

"BETA mahu supaya penuntut-penuntut semuanya menjadi generasi pemikir. Janganlah turun ke bawah dalam berfikir tetapi naik dan meningkatlah selalu sehingga mencapai taraf pemikir yang baik. Titah Sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Dengan Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland di Hotel Inter-Continental, London pada 22 Zulkaedah 1428 / 2 Disember 2007.

"WAHAI orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa."
(Surah Al Baqarah ayat 183).

Kerajaan tiada niat batalkan Perjanjian Kesalingtukaran Matawang Brunei - Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos 2010. - Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam merujuk kepada laporan yang disiarkan oleh akhbar *The Brunei Times* pada 4 Ogos 2010 bertajuk 'De-Pegging Of Brunei \$ Beneficial' dan seterusnya menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tiada niat atau rancangan untuk membatalkan Perjanjian Kesalingtukaran Matawang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Kementerian Kewangan dalam siaran akhbarnya mengulangi sekali lagi bahawa Perjanjian Kesalingtukaran Matawang telah berjalan dengan sangat baik bagi kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Kedua-dua negara terus mendapat manfaat dari segi kestabilan matawang dan pertumbuhan ekonomi daripada perjanjian tersebut. Perkara ini telah berulang kali diambil maklum oleh *The International Monetary Fund* termasuk di dalam *Public Information Notice (PIN) No.10/71* yang dikeluarkan baru-baru ini pada 3 Jun 2010 yang menyebutkan bahawa "Directors agreed that the peg to the Singapore dollar serves Brunei Darussalam well".



Tamatkan lawatan rasmi ke Kuwait



Laporan : Samle Haji Jait dari Kuwait

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menamatkan keberangkatan lawatan rasmi empat hari ke Kuwait.

Hadir menjunjung Duli Yang Teramat Mulia untuk menyembah selamat belayar di Amiri Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait ialah Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Putera Mahkota Kuwait.

Berita lanjut dan gambar-gambar di muka 3. - Foto : Masri Osman.

Penglihatan anak bulan Ramadan 10 Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Sukacita dimaklumkan bahawa penglihatan anak bulan Ramadan bagi tahun 1431 Hijriah akan dilakukan di seluruh negara pada petang hari Selasa, 29 Syaaban 1431 bersamaan 10 Ogos 2010.

Sehubungan dengan itu, hakim-hakim Syar'ie dan pegawai-pegawai mahkamah-mahkamah syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat) anak bulan Ramadan di beberapa tempat di negara ini seperti Bukit Shahbandar, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara, Bukit Agok, Jerudong Daerah Brunei dan Muara, Bukit Lumut, Daerah Belait (Berseberangan dengan BLNG) dan Bukit Ambok, Daerah Tutong.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

Brunei bergantung kepada tenaga mahir

Oleh : Ak. Jefferi Pg Durahman
Foto : Ampuan

BERAKAS, Khamis, 5 Ogos. - Mahasiswa dan mahasiswi yang bakal menamatkan pengajian mereka sebaik saja kembali ke tanah air bukan hanya diharapkan membawa sekalung ijazah malah lebih dari itu negara mengharap agar mereka menjadi seorang rakyat yang berilmu,

berkemahiran tinggi dan berjaya serta menjadi seorang rakyat yang berkualiti tinggi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman menekankan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2010 petang tadi, di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Datin Hajah Adina menambah, masa depan

Negara Brunei Darussalam bergantung kepada tenaga manusianya oleh itu dengan ilmu dan kemahiran yang diperolehi itu nanti sudah tentu akan dapat membantu negara dalam mempertingkatkan kemajuan ekonomi, memantapkan kualiti pendidikan, mengukuhkan sistem politik, mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan seterusnya mengekalkan keamanan, kemakmuran negara berteraskan MIB.

Ke muka 24

Qariah Brunei naib juara pertandingan Quran A-bangsa

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Ogos. - Qariah Negara Brunei Darussalam Dayang Hajah Norfaezah binti Haji Emran, 27 tahun, menduduki tempat kedua dalam Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa 1431 Hijrah/2010 Ke-52 bagi qariah, yang berakhir di Kuala Lumpur, Malaysia mencatatkan kejayaan cemerlang khususnya bagi qariah.

Dayang Nurfaezah Emran yang mengumpul 90.17 peratus markah, adalah kejayaannya yang kedua dengan menduduki tempat ketiga pada tahun 2008, yang kemudiannya disusuli dengan kejayaan Dayang Hajah Akmalina binti

Haji Yahya memenangi tempat ketiga pada tahun 2009.

Dayang Norfaezah membawa pulang wang tunai berjumlah RM23,100 (ASD7,000), cenderamata dan sijil penyertaan yang dikurniakan Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Seramai 72 peserta dari 45 negara mengambil bahagian dalam tilawah tahun ini bertemakan 'Memantap Ukhuwah Memperkasa Ummah' yang berlangsung selama lapan hari bermula 27 Julai lalu.

Jumlah penyertaan tahun ini meningkat berbanding 66 peserta dari 43 negara tahun lalu. Empat negara yang pertama kali menghantar peserta ialah Kazakhstan, Surinam, Zambia dan Djibouti.

Ke muka 3

BEKALKAN PARA BELIA DENGAN PELBAGAI KEMAHIRAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihie Nasta'een, 'Alaa Umuriddunya Waddeen, Wassalatu Wassalamu Asyrafil Mursaleen, Sayidina Muhammad Wa'ala Aalihie Wasahbihie Ajma'een, Waba'du.

Sempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, beta ingin mengucapkan tahniah kepada semua golongan belia di negara ini, terutama mereka yang turut terlibat menyumbang kepada pembangunan dalam apa pun bidang, khususnya bidang keusahawanan.

Masa depan negara tidak syak lagi, banyak bergantung kepada golongan belia. Kerana itu mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran, semangat jati diri serta akidah yang mantap.

Beta melihat, golongan belia kita perlu dirancang, bagaimana untuk menjadikan mereka itu berjiwa besar dan bercita-cita tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi yang berjaya.

Penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan perlu terus digalakkan melalui latihan-latihan atau pendidikan, sama ada yang bersifat formal ataupun tidak, yang telah kerajaan beta sediakan.

Kefahaman yang mendalam mengenai bidang keusahawanan ini sangatlah penting, kerana daripadanya akan tercetus pelbagai kegiatan keusahawanan dan sekali gus mampu untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia.

Bidang ini bukanlah mudah, ia termasuk salah satu bidang yang penuh dengan saingan dan cabaran. Oleh itu, untuk mencapainya, para belia perlu mempunyai kekuatan dalaman, iaitu *jiwa yang besar*.

Jiwa besar ini akan mendorong mereka lebih rajin berusaha, sanggup *berbasah berkering* dan *tahan lasak*. Inilah belia yang kita dan negara impikan. Belia seperti ini, tidak akan melihat kesukaran sebagai penghalang kejayaan, malah sebaliknya akan menjadikannya lebih gigih dan berdaya saing.

Ke arah itu, belia-belia perlu kita bekalkan dengan kemahiran bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi persaingan dan cabaran ini.

Sebab itulah, beta sering menekankan supaya program-program latihan belia khususnya di bidang keusahawanan perlulah diperkukuhkan terutamanya dalam bidang-bidang pengurusan perniagaan dan kewangan, teknikal dan juga pemasaran.

Hanya dengan kemahiran ini, belia-belia akan dapat berdikari tanpa mengharapkan sebarang bantuan dari pihak-pihak tertentu.

Ini adalah selaras dengan Dasar Belia

Negara yang inginkan para belia menyertai segala macam kegiatan, khususnya kegiatan-kegiatan ekonomi. Semua ini dihasratkan, untuk kita sama-sama dapat menjana pembangunan ekonomi yang lebih dinamik, sehingga tercapainya Wawasan 2035.

Dalam pada itu, jangan lupakan garispanduan syarak, yang terimbas di dalam etika keusahawanan dan perniagaan Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda itu menangani semua ini



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Belia Kebangsaan 2010 pada hari Isnin, 21 Syaaban 1431 H / 2 Ogos 2010 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

dengan penuh tabah, berani dan amanah, yang dengannya, menjadikan perusahaan dan perniagaan Baginda berjalan bersih mendapat kejayaan.

Etika ini, sama sekali jangan diabaikan, barulah Allah Subhanahu Wata'ala akan membantu kita dengan rahmat kurnia-Nya berupa pahala dan keuntungan, insya-Allah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mesyuarat Pertama Hari Kebangsaan Ke-27

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Mesyuarat Pertama Bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-27

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Tahun 2011 diadakan di Dewan di Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini. Mesyuarat dipengerusi-

kan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-27 Tahun 2011.

Antara agenda yang dibincangkan ialah mengenai dengan logo dan tema Hari Kebangsaan Ke-27, konsep dan format sambutan, Upacara Menaikkan Bendera Besar, Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Membaca Surah Yaa Siin.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai upacara perhimpunan

agung pada 23 Februari 2011 yang menyentuh mengenai waktu dan lokasi sambutan, upacara perbarisan kehormatan, upacara perbarisan lalu dan perhimpunan agung, upacara pengagihan bendera kecil dan acara keraian sampingan.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman; Timbalan Pengerusi Bersama, Yang Dimulihkan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Jamil Al-Sufri dan Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-27. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.



7 OGOS 2010 BERSAMAAN 1431 شعبان 26

MAHASISWA ASET NEGARA PALING BERHARGA

MAHASISWA Negara Brunei Darussalam yang menuntut di seberang laut adalah merupakan orang-orang beruntung dan bertuah. Beruntung dalam erti kata mereka merupakan penuntut-penuntut pilihan kerana mendapat biasiswa dan dermasiswa dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menuntut ilmu di luar negara. Maka selayaknya para mahasiswa mengambil peluang keemasan yang terhidang luas itu kerana berjaya mengikuti pengajian di luar negara malah yang penting dapat pula belajar di institusi-institusi atau pusat-pusat pengajian yang berprestij dan diiktiraf kecemerlangannya. Penuntut-penuntut yang belajar di luar negara juga amatlah bernasib baik, kerana bukan semua orang dapat meraih peluang mendapatkannya. Ia memerlukan syarat-syarat tertentu, di samping kelayakan dan juga kewangan. Justeru itu golongan mahasiswa hendaklah dengan penuh ketekunan dan bersungguh-sungguh dalam menimba ilmu pengetahuan demi kelangsungan negara bangsa.

Memandangkan pelaburan besar yang dibuat oleh kerajaan dalam pendidikan itu, sudah tiba masanya bagi generasi pelajar agar terus meletakkan pendidikan di atas segala-galanya. Mereka perlu menumpukan usaha mencari dan menggali ilmu dengan gigih, tekun dan menguasai segala cabang ilmu. Mereka perlu mengutamakan misi belajar dan bukannya mencongak-congak perkara yang tidak bermanfaat yang kelak akan mendatangkan kerugian bukan sahaja diri sendiri malahan negara akan menanggung kerugian yang besar. Perlu diingat misi mereka adalah mencari ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya. Selaku penuntut mereka hendaklah pandai menghargai masa. Jangan sia-siakan masa walaupun sedikit. Masa itu ibarat emas. Gunakan sepenuhnya untuk menimba dan meramu ilmu bukannya untuk tujuan yang lain-lain.

Dalam ghairah mencari ilmu pengetahuan di perantaraan itu, pentingnya para mahasiswa menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam. Mereka jangan sekali-kali terlibat dengan perkara-perkara yang negatif seperti pergaulan bebas terjebak dengan dadah, terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng dari agama Islam juga fahaman-fahaman ekstrim dan melampau serta menjejaskan masa depan para mahasiswa dan akhirnya memusnahkan harapan negara dan keluarga. Falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) hendaklah sentiasa menjadi panduan dan ingatan. Ikutlah rasmi ikan, walau bertahun berendam dalam air masin, isinya tetap tawar tidak terkesan dengan kemasinan. Di samping itu, jangan juga mengikut rasmi lalang, yang sentiasa berubah haluan dan condongnya menurut tiupan.

Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2010 pada 2 Ogos juga mengingatkan para mahasiswa agar memiliki jati diri dengan cintakan bangsanya, kebudayaannya dan cara hidup yang telah diwarisinya sejak dari kecil lagi serta sentiasa ingat akan asal usulnya supaya tidak mudah lupa diri dan lupa daratan. Menurut beliau agama Islam merupakan benteng yang dapat membantu secara menyeluruh dalam mengharungi kehidupan lebih-lebih lagi di luar negara yang penuh dengan pelbagai dugaan dan cabaran yang hebat. Kerana itu falsafah MIB hendaklah benar-benar difahami serta menjadi pegangan yang kukuh di mana saja para mahasiswa berada. Cara kehidupan kebruneian yang berteraskan keislaman akan memancarkan nilai-nilai, adat dan akhlak yang terpuji serta kasih dan cinta kepada raja dengan tujuan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk itu elok juga para mahasiswa merenung dan mengamati akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Ramah Mesra Bersama-sama Dengan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Ireland pada 2 Disember 2007. Antara lain baginda berpesan: "Khusus kepada para penuntut, beta ingin berpesan supaya terus memelihara 'sistem nilai' yang baik di mana saja mereka berada. Bawalah ia ke mana-mana jua insya-Allah selamat. Sistem nilai paling luhur ialah taat kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada 'Ulil Amri' termasuk juga ibu bapa. Janglah diabaikan semua ini, letakkan ia di lubuk hati masing-masing biar melekat."

Para penuntut adalah merupakan aset paling berharga, kerana mereka sentiasa ditunggu dan diharapkan untuk mengangkat martabat bangsa dan ibu pertiwi. Para penuntut tidak dapat mengelakkan diri dari anggapan sedemikian, kerana mereka memang wira dalam masyarakat serta umpama suluh dalam kegelapan malam. Inilah harapan kita, semoga Brunei ditani oleh bangsanya yang bertakwa, di mana para penuntut adalah sumber utamanya. Sebagai 'investment' yang berharga, sewajarnya para mahasiswa menaani amanah yang dipertanggungjawabkan oleh negara dengan memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang dari menara gading di luar negara. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

Pemberitaan/Rencana

Zabaidah Haji Salat
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif, Shari Haji Garib,
Aryentyy Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

Sidang Pengarang

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejeri,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime,
Ak. Muhd Khairul Anuar Pg. Badaruddin

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Ruciana Mohd. Salleh,
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

Menerima mengadap Ketua Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait



Laporan :
Samle Haji Jait
dari Bandaraya Kuwait
Foto : Masri Osman

BANDARAYA KUWAIT, Rabu, 4 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait (KIA), Tuan Yang Terutama Badar R. Elsaad, di Diwaniya, Bayan Palace di hari terakhir lawatan rasmi ke Kuwait.

KIA merupakan sebuah badan autonomi kerajaan bertanggungjawab mengurus dan mentadbir Dana Simpanan Am (*General Reserve Fund (GRF)*); Dana Generasi Masa Depan (*Future Generations Fund (FGF)*) yang ditubuhkan pada 1976 melalui pemindahan 50 peratus GRF pada waktu itu dan ditambah sumbangan tahunan sepuluh peratus seterusnya dari semua hasil kerajaan, di samping dana lainnya yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Kuwait.

Lembaga Pengarah KIA yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kuwait sebelumnya dikenali sebagai Lembaga Pelaburan Kuwait semasa penubuhannya pada tahun 1953 dan ditukar kepada Pejabat Pelaburan Kuwait pada tahun 1963.

KIA membuat pelaburan di pasaran-pasaran tempatan, negara-negara Arab dan antarabangsa.

Turut berangkat di Majlis Mengadap tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait, Tuan Yang Terutama Badar R. Elsaad yang berlangsung di Diwaniya, Jahra 1, Bayan Palace.

Tamatkan lawatan rasmi ke Kuwait

BANDARAYA KUWAIT, Rabu, 4 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat pulang selepas mengakhiri lawatan rasmi selama empat hari, di sini.

Sejurus sebelum berangkat meninggalkan Istana Bayan, tempat persemayaman Duli Yang Teramat Mulia, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Mustapa bin Haji Murad.

Hadir menjunjung DYTM untuk menyembahkan selamat belayar ialah Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Putera Mahkota Kuwait.

Juga berada di Amiri Termina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kuwait,

Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustafa bin Pengiran Haji Aliuddin serta pembesar-pembesar negara Kuwait.

Sepanjang mengadakan lawatan rasmi, DYTM telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Lawatan rasmi DYTM buat julung kali ini adalah atas jemputan Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Putera Mahkota Kuwait.

Keberangkatan DYTM itu mengukuhkan lagi hubungan mesra Brunei-Kuwait yang telah menjalin hubungan diplomatik pada sejak sepuluh tahun lalu.

Sepanjang berada di Kuwait, DYTM telah mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang pembesar negara, melawat mercu tanda dan berangkat melawat ke sektor perekonomian Kuwait.



DULI Yang Teramat Mulia menadah tangan mengaminkan doa sejurus sebelum berangkat balik.



BERANGKAT ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait bagi mengucapkan selamat belayar kepada DYTM ialah Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Putera Mahkota Kuwait.



DYTM berkenan bersalaman dengan kerabat-kerabat diraja dan pembesar-pembesar Kuwait sebelum berangkat balik.

KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia itu mengukuhkan lagi hubungan mesra Brunei-Kuwait yang telah menjalin hubungan diplomatik pada sejak sepuluh tahun lalu.



Pelbagai isu menjadi ancaman ke arah menuju keselamatan makanan

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

JERUDONG, Isnin, 2 Ogos. - Isu-isu seperti perubahan iklim, bencana alam, wabak penyakit, ancaman alam sekitar, pertumbuhan penduduk, pelancongan semanganya menjadi ancaman berterusan ke arah menuju kepada keselamatan makanan bagi semua masyarakat dalam memberikan penghidupan yang layak dan produktif khususnya kepada petani, nelayan serta masyarakat yang bergantung kepada perhutanan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan Pembukaan Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Kanan Bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-31 (*Special SOM-31st AMAF*) yang diadakan di *The Empire Hotel and Country Club*, di sini.

Menyentuh mengenai dengan keselamatan makanan Yang Berhormat berkata, Projek Induk Simpanan Beras Kecemasan Asia Timur (*East Asia Emergency Rice Reserve - AERR*) yang berakhir pada bulan Februari 2010 adalah dalam proses pertukaran untuk menjadi Simpanan Beras Kecemasan ASEAN+3 (*ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve - APTERR*) yang merupakan skim yang lebih kekal.

Demikian pula jelasnya, Keselamatan

Makanan Bersepadu ASEAN (*ASEAN Integrated Food Security - AIFS*), dengan penglibatan oleh Bank Dunia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) akan menjadi nilai tambah ke arah mempercepatkan pelaksanaan rangka kerjasama keselamatan makanan.

Menyentuh agenda permesyuaratan, Yang Berhormat berpendapat tatabaru ini akan meningkatkan lagi pengurusan aktiviti.

Justeru itu dalam usaha mengatasi isu-isu ini, Yang Berhormat mengajak para delegasi mesyuarat untuk mengimbas sejenak mengenai dengan arahan para pemimpin semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-16 pada 9 April 2010 di Hanoi yang berhasrat untuk mempercepatkan pelaksanaan berkeseluruhan melalui langkah-langkah konkrit dan aktiviti serta untuk menguatkan lagi kerjasama, di samping memperdalam integrasi serantau dan dalam usaha mengatasi cabaran global yang dihadapi oleh masyarakat ASEAN.

Dalam kenyataan deklarasi Cha-am Hua Hin mengusulkan AMAF untuk mengembangkan strategi yang menyeluruh tentang makanan yang berterusan dan bersepadu serta pengeluaran *biofuel* dan konsumsi yang menjamin keserasian dengan pengeluaran makanan, jelasnya.

Selain itu, para pemimpin ASEAN juga mengarahkan AMAF untuk menyediakan laporan kemajuan semasa Sidang Kemuncak ASEAN +3 tahun ini.

Majlis pembukaan rasmi turut dihadiri



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bergambar ramai bersama Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Ketua-Ketua Delegasi *Special SOM-31st AMAF*, Sekretariat ASEAN, ketua-ketua jabatan dan delegasi mesyuarat. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

oleh Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Ketua-Ketua Delegasi *Special SOM-31st AMAF*, Sekretariat ASEAN, ketua-ketua jabatan dan delegasi mesyuarat yang lainnya.

Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat ini termasuklah bidang-bidang yang terkandung dalam kerjasama ASEAN khususnya pertanian dan perhutanan termasuk keselamatan makanan, pengendalian makanan, tanaman, ternakan, perikanan, latihan dan perkembangan pertanian, koperasi pertanian, perhutanan serta promosi produk pertanian dan perhutanan.

Juga diberi keutamaan dalam mesyuarat ini untuk

dibincangkan ialah harmonisasi mengenai kualiti dan mutu, jaminan dan keselamatan makanan, pelaksanaan rangka keselamatan makanan bersepadu ASEAN (AFIS) serta rangka kerja multi sektoral ASEAN mengenai perubahan cuaca: pertanian dan perhutanan ke arah keselamatan makanan (AFCC).

Di akhir mesyuarat ini, para pegawai-pegawai kanan ASEAN ini dijangka akan mempertimbangkan beberapa dokumen yang berkaitan dengan pencapaian beberapa kumpulan kerja sektoral di bawah skop pengawasan AMAF yang mana akan dihidangkan untuk pengesahan di Mesyuarat AMAF Ke-32 yang bakal diadakan di Kemboja pada bulan Oktober kemudian.

Goody bags diagihkan bagi galakan penyusuan susu ibu

Oleh : Zabaidah Haji Salat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 2 Ogos. - Bersempena dengan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2010 yang disambut setiap awal bulan 1 hingga 7 Ogos, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema '*Hanya 10 Langkah, Penyusuan Susu Ibu! Cara Mesra Anak Damit (Breastfeeding Just 10 Steps! The Baby-Friendly Way!*)'.

Tema tersebut dipilih adalah bertujuan untuk menilai semua pencapaian inisiatif Mesra Anak Damit yang menggunakan 10 langkah ke arah kejayaan penyusuan ibu di fasiliti-fasiliti kesihatan yang memberikan perkhidmatan ibu-ibu dan penjagaan anak damit yang telah diperkenalkan oleh WHO dan *United Nations for Children* (UNICEF) pada tahun 1991.

Bagi menjayakan Minggu Penyusuan Susu Ibu itu, Kementerian Kesihatan telah mengadakan pelbagai acara bagi menggalakkan penyusuan susu ibu kepada para ibu yang hamil dan yang baru melahirkan anak-anak damit mereka di negara ini.

Para ibu yang kini berada di wad-wad rumah sakit juga diberikan galakan dengan membahagikan mereka *Goody Bags* yang mengandungi *pamphlet* yang menerangkan kepentingan penyusuan susu ibu secara eksklusif; Panduan Penyusuan Susu Ibu Bagi Ibu-ibu Bekerja; Sokongan suami dan keluarga dan lain-lain lagi yang boleh

membantu mereka untuk menyusukan anak-anak damit dengan lebih teratur hingga umur anak damit enam bulan dan sehingga berumur dua tahun.

Pembahagian *Goody bags* itu telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional & Teknikal) Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Saleh kepada kira-kira 58 orang ibu-ibu hamil dan yang baru melahirkan anak-anak damit mereka di Wad 14, 17 dan 18 Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Datin Paduka meluangkan masa kira-kira dua jam bagi melawat, beramah mesra dan memberikan galakan para ibu di wad-wad tersebut supaya mengamalkan penyusuan susu ibu kepada anak-anak damit mereka bagi menggantikan susu gantikan yang berleluasa di pasaran ketika ini.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional & Teknikal) Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Saleh menyempurnakan penyerahan *Goody Bags* kepada kira-kira 58 orang ibu-ibu hamil dan yang baru melahirkan anak-anak damit mereka di Wad 14, 17 dan 18 Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

'HANYA 10 Langkah, Penyusuan Susu Ibu! Cara Mesra Anak Damit (Breastfeeding Just 10 Steps! The Baby-Friendly Way!'

Tema Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2010.

Pemberian susu ibu kepada anak-anak damit sebagaimana tema yang disarankan adalah objektif utama Minggu Penyusuan Susu Ibu seperti memberikan sokongan dan mengemaskinikan inisiatif mesra anak damit dan amalan mesra penyusuan anak damit.

Sepanjang lawatan itu, Datin Paduka diiringi sama oleh Pengerusi Bersama Minggu Penyusuan Susu Ibu 2010, Ketua Kepakaran Perkhidmatan Obstetrik Dan Genikologi, Dr. Hajah Roselina binti Dato Paduka Haji Yaakub dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kesihatan Dayang Saidah binti Haji Wahid.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melawat pusat pekerjaan tempatan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika memberikan cadangan dan saranan di Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja, Jabatan Buruh. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Julai. - Di antara fungsi dan peranan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTPTK) adalah mendaftarkan nama-nama pencari kerja tempatan mengikut syarat-syarat permohonan, mengiklankan jawatan-jawatan kosong yang terdapat di sektor swasta, menyelaras sesi temuduga terbuka bagi mengisikan kekosongan jawatan di sektor swasta, menyalurkan nama-nama pencari kerja yang berdaftar bagi sebarang kekosongan jawatan yang ditawarkan dan mengendalikan dan sekretariat kepada Program Khas Graduan Mencari Pekerjaan dan Program Khas Lepas Sekolah Di Bawah Dana Sumber Manusia.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Penolong Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Mohd. Ideni bin Haji Ahmad yang juga Ketua Unit Pekerjaan dan Pendaftaran APTPTK ketika menyampaikan taklimatnya semasa lawatan kerja Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman di APTPTK, Jabatan Buruh.

Selain itu juga katanya, fungsi APTPTK ialah mengendalikan kursus dan latihan yang bersesuaian secara usaha sama dengan sektor swasta, menyertai pameran kerjaya anjuran agensi-agensi yang berkenaan, memberikan taklimat kerjaya kepada penuntut-penuntut sekolah, memberikan khidmat kaunseling kepada pekerja tempatan khususnya yang

berkaitan dengan isu perburuhan, menerima dan menyelesaikan aduan daripada pekerja tempatan dan majikan, membuat lawatan pemantauan ke tempat-tempat pekerjaan di kalangan anak tempatan dan membuat perundingan atau perbincangan dengan para majikan di sektor swasta bagi mengutamakan pengambilan anak tempatan di syarikat mereka.

Agensi ini katanya, menguruskan program khas bagi graduan pencari kerja dan lepasan sekolah serta menyediakan latihan dan kursus dengan kerjasama sektor swasta dalam usaha meningkatkan kemahiran dan keupayaan, sekali gus mempertingkatkan kualiti, dan *marketability* pekerja-pekerja tempatan, di samping menyediakan perkhidmatan kaunseling dan melaksanakan Pesta Kerjaya secara tahunan serta mengambil bahagian dalam taklimat kerjaya bagi penuntut dan para pencari kerja.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan beberapa cadangan dan saranan bagi meningkatkan peranan agensi berkenaan dalam memberi bantuan kepada anak-anak tempatan yang mencari pekerjaan di sektor swasta di negara ini dan seterusnya menambah nilai proses kerja supaya lebih berpandangan strategik dan berjangka panjang untuk kemajuan dan perkembangan tenaga manusia tempatan.

Yang Berhormat berseru kepada agensi berkenaan untuk meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman yang rapat dengan agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Buruh dan majikan-majikan di sektor swasta.

Siri lawatan kerja Yang Berhormat ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut peranan dan urusan-urusan kerja yang dikendalikan oleh APTPTK dalam membantu agensi tersebut mencapai matlamatnya.

Di samping itu, lawatan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dengan pegawai dan kakitangan di agensi berkenaan dan seterusnya mengukuhkan semangat kerjasama dan melakukan tugas dan tanggungjawab yang tersedia ada.

Juga hadir pada majlis itu, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan para pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

APTPTK dahulunya adalah salah sebuah bahagian di Jabatan Buruh dikenali sebagai Bahagian Pekerjaan Tempatan dan pada tahun 2008, bahagian tersebut berpindah ke Bangunan Bekas Rumah Peninggahan Kerajaan dan ditukar nama sebagai Pusat Pekerjaan Tempatan.

Pada 13 April 2010, Pusat Pekerjaan Tempatan telah dinaik taraf dan diserapkan di KHEDN dan dikenali sebagai APTPTK.

Maklumat geospacial sebagai pemboleh utama perkembangan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum akan terdapatnya peningkatan bagi keperluan memulakan program-program berasaskan teknologi yang memberi manfaat pada negara.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi berkata menurut kajian baru-baru

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

ini, lebih 80 peratus proses dan keputusan urusan seharian kerajaan memerlukan pengetahuan dimensi keberadaan atau istilah *di mana*.

"Memandangkan hal ini, kerajaan juga mengambil maklum akan pentingnya maklumat *geospacial* sebagai pemboleh utama perkembangan negara," jelas Menteri Pembangunan semasa berucap merasmikan Seminar Ukur Tanah Asas Pembangunan (UTAP),

berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Ukur tanah Yang Berhormat telah lama mengakui kuasa maklumat *geospacial* sebagai alat untuk membolehkan, memperkasa dan memperkaya maklumat mekanismenya untuk memberikan kita kelebihan berdaya saing di era digital ini.

Melihat pada isu-isu global ketika ini, Yang Berhormat percaya dunia kini

berdepan dengan isu-isu seperti perubahan iklim, makanan kritikal, kekurangan minyak dan bencana alam sekitar.

"Semua itu memerlukan perkhidmatan teknologi *geospacial* yang lebih baik di mana negara ini amat bernasib baik kerana Jabatan Ukur menangani semua cabaran ini," tambah Yang Berhormat seterusnya.

Seminar kali ke-9 ini menumpukan pada beberapa metodologi menerokai teknologi *geospacial* untuk memaksimumkan nilai data seperti perlunya untuk berkongsi dan mengguna-



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi ketika berucap merasmikan Seminar Ukur Tanah Asas Pembangunan (UTAP). - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

kan semula data untuk mengurangkan kos, di samping mengelakkan kumpulan data yang di-hentikan.

Dengan tema *Geo-*

matic Innovations for National Developments, seminar sehari ini dikelolakan oleh Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dengan dihadiri oleh lebih 100

peserta terdiri dari para perwakilan dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan serta dari juruukur-juruukur berlesen.

72 murid khatam Al-Qur'an

Oleh :
Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

LUMAPAS, Isnin, 2 Ogos. - Seramai 72 orang murid Darjah Enam Sekolah Agama Lumapas telah menamatkan pembacaan Al-Qur'an 30 juz dengan berlangsungnya Majlis Khatam di Dewan Sekolah Agama Lumapas.

Mereka terdiri dari 31 murid lelaki dan 41 murid perempuan yang sedang belajar di sekolah agama tersebut.

Hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap I, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal selaku tetamu kehormat yang juga



Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Khatam Al-Qur'an Sekolah Agama Lumapas. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

mengepalai bacaan Surah Al Faatihah.

Kemudian diteruskan dengan membaca surah-surah khatam oleh murid-mu-

rid yang diraikan bermula dari Surah Adh Dhuhaa hingga Surah Al-Lahab.

Selepas itu disusuli bacaan tahtim oleh guru-gu-

rudan murid-murid perempuan Darjah Empat dan Lima, manakala bacaan doa khatam dibacakan oleh Awang Mustaqim bin Haji Sahari.

YSHHB sumbang kewangan ke beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Ogos. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan kewangan sebanyak BND42,500 kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi tahun 2010.

Sumbangan kewangan kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat tersebut merupakan projek tahunan YSHHB dalam bidang agama dengan tujuan bagi mengadakan majlis dan aktiviti di bulan Ramadan nanti.

Sumbangan tersebut juga salah satu usaha YSHHB ke arah mentakmirkan masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya dalam mempertingkatkan syiar Islam di negara ini.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud ketika hadir di majlis menyempurnakan sumbangan kewangan kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi tahun 2010. - Foto : Hatrai Hazmi Abd. Hamid.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB di ibu negara.

Pada tahun ini, YSHHB menyumbangkan sebanyak BND42,500 kepada 65 buah masjid, surau dan balai ibadat di keempat-empat daerah di

seluruh negara.

Sebanyak 19 buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara, 19 buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Tutong, 19 buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Belait dan tujuh buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Temburong menerima sumbangan tersebut.

Majlis penyampaian tersebut juga dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Haji Mohd. Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, pegawai-pegawai kanan YSHHB serta penerima-penerima sumbangan yang mewakili masjid, surau dan balai ibadat.

SEKILAS INFO

Menderma darah di bulan Ramadan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Ogos. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa bagi memudahkan orang ramai menderma darah di bulan Ramadan nanti, Kementerian Kesihatan telah melanjutkan perkhidmatan menderma darah pada waktu malam dengan mengadakan kempen menderma darah sepanjang bulan Ramadan.

Kempen menderma darah tersebut akan bermula dari jam 8.30 malam hingga 11.00 malam iaitu pada malam hari Isnin dan Selasa setiap minggu bertempat di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS pada 16 dan 17 Ogos 2010, 23 dan 24 Ogos 2010 dan pada 30 dan 31 Ogos 2010.

Orang ramai yang berhasrat untuk menderma darah adalah dialu-alukan datang ke Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Pusat Pendermaan Darah di talian 2242424 sambungan 7338.

Acara juga diteruskan dengan persembahan Dikir Asyrakal oleh guru-guru dan murid-murid lelaki yang juga dari Darjah Empat dan Lima serta merenjisikan minyak wa-

ngi dan seterusnya menyampaikan sijil khatam kepada murid-murid yang khatam oleh tetamu kehormat.

Antara yang hadir di

majlis tersebut termasuklah beberapa orang pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, ibu bapa dan penduduk Kampung Lumapas.

Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat sambut kedatangan Ramadan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Julai. - Badan Kebajikan dan Sukan, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat mengadakan Majlis Ceramah Awal Ramadan Bagi Tahun 1431 Hijriah / 2010 Masihi di Dewan Bankuet, Dewan Majlis, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh penceramah khas dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Anwari bin Haji Rawi.

Penceramah khas dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai erti berpuasa dan kenikmatan serta ganjaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada um-

Oleh : Haniza Abdul Latif

mah yang sentiasa beriman kepada-Nya terutama sekali semasa bulan Ramadan.

Setiap umat Islam katanya mestilah berpua-pua pada semua anggota bukannya pada makan dan minum sahaja kerana puasa mampu menjadi perisai diri daripada terjebak ke lembah maksiat, di samping dapat menghapuskan segala dosa-dosa yang lalu jika kita benar-benar bertaubat.

Beliau juga menerangkan mengenai makna, kelebihan dan waktu malam *Lailatulqadar* yang harinya datang sekali dalam bulan Ramadan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin.

Turut hadir Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, Jurutulis Majlis-majlis Mesyuarat, pegawai-pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan.

Peraduan Seni Lukis dapat sambutan menggalakkan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

KOTA BATU, Sabtu, 31 Julai. - Jawatankuasa Peraduan Seni Lukis Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun menerima sambutan lebih banyak dari tahun-tahun sebelumnya.

Perkara ini dinyatakan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Peraduan Seni Lukis Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-64 TAHUN, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris di Majlis Penyampaian Hadiah dan Pameran Seni Lukis dan Fotografi sempena Sambutan Perayaan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM di Muzium Brunei.

Jelas Yang Berhormat tahun ini mencatatkan sebanyak 116 penyertaan dalam seni lukis dengan dibahagikan kepada empat buah kategori selain penyertaan yang menggalakkan dalam bidang seni fotografi.

Peraduan yang diumumkan ini menurut Yang Berhormat bertepatan *Negaraku Brunei Darussalam* adalah dalam samasama memeriahkan lagi suasana sambutan perayaan ulang tahun pada tahun ini, di mana ianya menggambarkan suasana kehidupan sesebuah negara.

Johan dalam Kategori A' yang mengkategorikan *Pot-*

ret Keluarga Diraja dimenangi oleh Haji Mahaddi bin Haji Mat Zain diikuti tempat kedua Haji Mohd. Abiddin bin Haji Rashid dan ketiga jatuh kepada Awang Suhaili bin Omar.

Manakala dalam Kategori B1 yang menggambarkan *Suasana Sejarah Negara Brunei Darussalam* dimenangi oleh Haji Jalil bin Haji Gadong dan tempat kedua dimenangi oleh Harliff Nabillah bin Sayong dan Suhaili bin Omar berada di tempat ketiga.

Memenangi dalam Kategori B2 iaitu *Lukisan Kontemporari* yang menggunakan media bebas tempat pertama disandang oleh Kasim bin Ismail, kedua dimenangi oleh Pg. Khamarul Zaman bin Pg. Haji Tajuddin dan

diikuti tempat ketiga oleh Zakaria bin Omar.

Manakala dalam *Peraduan Fotografi*, johan dalam Kategori A dimenangi oleh Nordin bin Haji Barudin diikuti tempat kedua oleh Haji Muhammad bin Haji Sulaiman dan tempat ketiga dimenangi oleh Pg. Haji Mohd. Heris bin Pg. Haji Mohammad.

Johan dalam Kategori B, disandang oleh Haji Mohd. Zailaney bin Haji Nordin diikuti Mohd. Daud bin Burut di tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Pg. Haji Md. Heris bin Pg. Haji Mohammad.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Pelajar ITAQSHHB capai kecemerlangan di Darul Quran

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar berkata, para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB) memperolehi keputusan cemerlang dengan mendapat tempat pertama dan kedua serta memperolehi kedudukan sepuluh teratas pelajar terbaik di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM.

Semua kejayaan itu katanya, menunjukkan bahawa mutu pembelajaran dan pengajaran di institut itu adalah baik dan menepati kehendak pusat-pusat pengajian.

"Kejayaan ini dicapai adalah berkat usaha dan

komitmen padu bagi semua pihak termasuk para ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan dan galakkan kepada anak-anak mereka untuk tekun mengikuti pelajaran mereka," jelasnya.

Beliau mendedahkan kejayaan itu ketika berucap di Perasmian Program Diploma *Aliyah Qira'at* Kelolaan ITAQSHHB Sesi Pengajian 2010-2013, di Dewan Kuliah institut berkenaan.

Tambahnya, Program Diploma *Aliyah Qira'at* itu nanti akan menambahkan lagi pencapaian di dalam bidang Al-Qur'an yang akan dicapai di institut berkenaan.

"Ini semestinya akan mendatangkan kebaikan dan keberkatan kepada negara secara keseluruhan,

annya, imej institut sebagai satu-satunya pusat dan gedung pengajian Al-Qur'an di negara ini akan berada di tahap yang lebih tinggi," ujarnya.

Menurutnya, bagi memastikan kelancaran program diploma itu, banyak lagi usaha dan ikhtiar yang perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan berjalan dengan sempurna.

"Kita semua terutamanya pihak institut harus sentiasa bekerjasama supaya akan berterusan memantau dan menambahkan isi kandungan pengajiannya dan juga penguasaan program diploma, bagi memastikan kualiti graduan di tahap tinggi dan relevan mengikut peredaran masa," tegasnya.

Program Pertama Diploma tiga tahun atau enam semester *Aliyah Qira'at* memilih 12 orang pelajar daripada institut tersebut iaitu 10 daripadanya

lelaki dan dua perempuan, setelah melimpasi dua sesi temu duga yang dijalankan oleh pihak institut berkenaan.

Semasa menjalani program nanti mereka juga akan dilatih menghafaz 30 juzuk Al-Qur'an secara sistematis selain modul bahasa Arab, Melayu Islam Beraja, Feqh, bahasa Inggeris dan lain-lain.

Jika lulus program itu nanti maka ianya akan mendapat pengiktirafan dari pihak Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Kementerian Pendidikan dan ia juga setaraf dengan Sijil *Aliyah Ma'had Qiraat Al-Azhar, Mesir*.

Oleh itu, mereka nanti akan diterima masuk meneruskan pengajian di Tahun Pertama peringkat *Takhassus* di *Ma'had Qiraat Shobra* bagi lelaki



TMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar ketika menyampaikan hadiah kepada wakil pelajar daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang memperolehi keputusan cemerlang di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

dan *Ma'had Qiraat Shobra El-Kheemah* bagi perempuan di Al-Azhar, Mesir selama tiga tahun.

Objektif utama program itu antara lain bertujuan menjunjung Kitab Suci Al-Qur'an ke taraf yang

tertinggi menurut selayaknya selain meninggikan lagi taraf pengajian institut tersebut.

Lahirkan pemimpin yang *package* dan proaktif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Bahasa Melayu (BM) merupakan bahasa yang kelima terbesar di dunia selepas bahasa Inggeris, Cina, Sepanyol dan Arab dengan penggunaannya dipercayai melebihi tiga ratus juta penutur.

Fakta tersebut dijelaskan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mastoli bin Pengiran Setia Indera Pengiran Haji Ismail selaku tetamu kehormat ketika berucap di Pertandingan Peringkat Akhir Debat Bahasa Melayu Pra Universiti Senegara Kali Pertama Tahun 2010 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Beliau menjelaskan, sehingga tahun 2007 terdapat 129 buah institusi

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

pengajian tinggi menawarkan pengajian BM pada empat puluh buah negara di seluruh dunia.

Seterusnya beliau menambah, empat buah negara ASEAN, Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura memartabatkan peranan dan taraf BM seperti yang dinyatakan oleh David Crado, Pengarah *The English Company, United Kingdom* dalam jurnal *The Future of Language 27 February 2004* mengenai status bahasa yang pesat berkembang.

"Tujuan saya mengong-sikan fakta-fakta yang cukup memberangsangkan ini adalah untuk mem-

beri sekelumit gambaran akan potensi bahasa Melayu untuk menjadi bahasa dunia utama seperti di zaman kegemilangannya pada awal abad keempat hingga ke-19 sebagai bahasa *lingua prangka perdagangan* di seluruh kepulauan Melayu," ujarnya.

Dengan mengambil kira nilai dan kedudukan BM di peringkat serantau dan dunia ini penguasaan BM adalah, di samping bahasa-bahasa utama dunia Melayu yang lain adalah sangat menguntungkan tetapi sebagai anak bangsa Melayu bukan ini semata-mata dorongan untuk menguji bahasa ibunda, lebih-lebih lagi sebagai rakyat dan penduduk se-

buah negara MIB kesedaran dan usaha-usaha untuk memelihara dan mencintai serta menghayati bahasa ibunda ini adalah sebenarnya menjadi kewajipan.

Beliau berharap pertandingan tersebut akan menjadi pencetus harapan yang tinggi terhadap pelajar-pelajar Pra Universiti (Pra U), kerana pertandingan itu akan menjadi landasan yang akan menjadi titik tolak bagi mempertingkatkan pola pemikiran para pelajar.

Teknik perdebatan kali ini jelasnya, dihasratkan dapat melahirkan pemimpin yang *package* di masa hadapan dan sekali gus menjadi pemimpin yang proaktif.

Di samping itu katanya, pertandingan tersebut juga diharapkan akan menjadi salah satu mercu tanda kecemerlangan pendidikan

di negara ini dalam melahirkan model insan yang berilmu pengetahuan, berkualiti, berkemahiran, bijak serta kreatif, mempunyai ciri-ciri unggul seperti berdaya fikir tinggi, berdaya saing, inovatif, termasuklah mempunyai akhlak yang terpuji dan mampu memberi sumbangan kepada pembangunan agama, bangsa dan negara, sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan dan matlamat sistem pendidikan negara abad ke-21.

Sementara itu, Pengetua Pusat Tingkatan Enam, Katok, Dayang Hajah Rosni binti Haji Mohd. Amin selaku Pengerusi Majlis dalam kata alu-aluannya berkata pertandingan tersebut merupakan inisiatif daripada Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang pemi-

kir, berkaliber dan mampu melahirkan idea-idea yang bernas dan ilmiah.

Pertandingan Debat Bahasa Melayu Pra U yang julung kalinya diadakan ini, perdebatan ala parlimen yang mempunyai sedikit kelainan dengan pertandingan bahas, di mana dalam pertandingan kali ini para pelajar diberikan pendedahan dan pengalaman tentang senario perdebatan di dalam parlimen.

Pada tahun ini sebanyak enam pasukan dari enam institusi Pusat Tingkatan Enam yang telah menyertai pertandingan tersebut.

Johan pertandingan disandang oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman dari Daerah Tutong setelah menewaskan Maktab Sains Paduka Seri Baginda Sultan, Jalan

Muara.

Tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan di majlis tersebut.

Pertandingan Peringkat Akhir kali ini bertemakan: *Mengadakan Minggu Bahasa Melayu Adalah Langkah Yang Bijak Dalam Mendaulatkan Bahasa Melayu dan Mendukung Falsafah Negara* yang juga diselenggarakan oleh PTE, Katok.

Di antara tujuan pertandingan tersebut ialah bagi mencungkil bakat atau menggilap potensi yang sedia ada dengan lebih teratur lagi ber-sistematis di kalangan para pelajar dan menjadikan pertandingan sebagai landasan untuk mencari wakil negara ke peringkat antarabangsa.

Bergerak cepat ke hadapan, laksana tindakan secara komprehensif

Oleh :
Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Julai. - Para jururawat dan bidan disaran untuk bergerak cepat ke hadapan memikir, merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan secara komprehensif lagi sistematis serta proaktif dalam usaha untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi profesion kejururawatan dan bidan sesuai dengan cabaran-cabaran abad ke-21.

Peranan dan tanggungjawab yang dipikul dan dilaksanakan

oleh mereka adalah sangat penting, di samping perkhidmatan daripada doktor-doktor, pakar-pakar dan *Allied Health Professional* dan lain-lain dalam menentukan kejayaan sistem dan pengurusan penjagaan kesihatan negara.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan menekankan perkara itu semasa berucap di Majlis Perjumpaan dan Dialog Menteri Kesihatan Bersama Jururawat-Jururawat dan Bidan-Bidan di Kementerian Kesihatan bertempat di *Hua Ho Mall Manggis Ballroom*, di sini.

Menurut Yang Berhormat, profesion jururawat dan bidan merupakan profesion kesihatan yang paling ramai jumlahnya merangkumi 34 peratus jika dibandingkan dengan profesion kesihatan lain di Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat menegaskan, di mana pun para jururawat dan bidan ditempatkan bertugas beberapa perkara yang perlu diambil perhatian ialah sikap pemedulian, berbudi bahasa, kejujuran dan amanah, kecekapan dan kecepatan dalam memberikan layanan kepada pesakit dan orang ramai.

Jelas Yang Berhormat, ju-

jurawat dan bidan adalah *Frontline Carers dan Managers* yang sentiasa berhadapan dengan orang ramai dan berdamai rapat dengan pesakit semasa menjalankan perawatan secara *direct contact* yang mana jururawat dan bidan mesti mempertahankan profesionalisme, disiplin dan etika kerja setiap masa.

Selain itu tegas Yang Berhormat, praktik kejururawatan dan kebidanan yang diamalkan mesti konsisten, mempunyai standard dan berkualiti tinggi yang dapat memberikan pesakit dan orang ramai jaminan kesihatan, kepuasan, kepercayaan dan keyakinan

tinggi terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Majlis tersebut merupakan sesi kedua dari sesi-sesi dialog yang diadakan bersama tenaga kerja kesihatan di Kementerian berkenaan.

Sesi interaktif ini juga membuka cadangan dan maklum balas daripada mereka yang hadir bagi menyatukan usaha dan bekerjasama dalam mencapai visi 2035 Kementerian Kesihatan iaitu *'Bersama Ke Arah Warga Sihat'*.

Ini juga merupakan kesinambungan dari sesi perjumpaan dan dialog yang diadakan bersama doktor-doktor dan pa-

kar-pakar di Kementerian Kesihatan selain yang akan diadakan bersama *Allied Health Professionals* nanti.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Md. Salleh; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kesihatan.

Pencapaian program VTET yang mantap perlu waktu



"LEBIH banyak pengetahuan yang diperolehi dari latihan ini bermakna lebih banyak tanggungjawab diperlukan bagi meningkatkan atau memperbaiki kurikulum dan kaedah pengajaran di sekolah-sekolah vokasional di negara masing-masing".

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat Indonesia ke Negara Brunei Darussalam

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Handriyo Kusumo Priyo semasa berucap di Majlis Penutup Program Latihan 'Meningkatkan Dasar dan Amalan VTET Melalui Penilaian Penyelidikan' di Dewan Teratai, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Siti Zuraiyah
Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Keperluan untuk memantapkan program-program VTET seperti menilai hasil, tindak balas dan kesan bagi mencapai VTET yang mantap akan memerlukan waktu bagi semua pihak untuk berupaya mengenal pasti isu utama yang perlu diberi perhatian.

Ini berhubung dengan bagaimana para pendidik atau pengamal pendidikan akan memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari latihan yang diikuti demi kebaikan pendidikan vokasional di negara masing-masing.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Handriyo Kusumo Priyo menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penutup Program Latihan 'Meningkatkan Dasar dan Amalan VTET Melalui

Penilaian Penyelidikan', bertempat di Dewan Teratai, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, di sini.

Menurut Tuan Yang Terutama, lebih banyak pengetahuan yang diperolehi dari latihan ini bermakna lebih banyak tanggungjawab diperlukan bagi meningkatkan atau memperbaiki kurikulum dan kaedah pengajaran di sekolah-sekolah vokasional di negara masing-masing.

TYT juga maklum, bidang-bidang yang diajar dalam program latihan ini merangkumi pengurusan kurikulum, kaedah-kaedah pengajaran, ICT untuk kajian penilaian yang sangat penting dan berguna bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pendidik serta pengamal pendidik dari seluruh negara ASEAN termasuk Republik Indonesia.

Melalui program ini, TYT berharap agar para peserta akan membawa bukan hanya pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga kehairahan untuk menjadi inovatif dalam menjadikan pendidikan vokasional

memberikan sumbangan yang lebih demi kemajuan sumber daya manusia yang berkualiti atau profesional di negara dan seterusnya dalam pembangunan kebangsaan negara masing-masing.

Di majlis tersebut, para hadirin juga mendengarkan laporan mengenai program latihan selama dua minggu yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah SEAMEO VOCTECH bagi Pengurus Perhubungan Profesional dan Penyelidikan/Pakar, Dr. Paryono yang juga selaku Penyelaras Kursus.

Seramai 18 peserta program menerima sijil masing-masing pada majlis tersebut yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, TYT Handriyo Kusumo Priyo.

Program latihan selama dua minggu yang bermula sejak 19 Julai lalu disertai peserta dari negara-negara Asia Tenggara: Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Republik Rakyat Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Brunei Darussalam tuan rumah MLJTB

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan menjadi tuan rumah Mesyuarat Lembaga Juruukur Tanah Berlesen (MLJTB), berlangsung di *Purple Jade Conference Room*, Hotel Centrepoint, Gadong.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Juruukur Agung, Awang Haji Mohd. Jamil bin Haji Mohd. Ali.

Hadir menyertai mesyuarat wakil-wakil dari Lembaga Juruukur Tanah Berlesen Semenanjung Malaysia, Lembaga Juruukur Tanah Berlesen Singapura, Lembaga Juruukur Tanah Berlesen Sabah dan Lembaga Juruukur Tanah Berlesen Sarawak.

Tujuan utama mesyua-



JURUUKUR Agung, Awang Haji Mohd. Jamil bin Haji Mohd. Ali ketika mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Juruukur Tanah Berlesen (MLJTB) di *Purple Jade Conference Room*, Hotel Centrepoint. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

rat adalah bagi meningkatkan profesionalisme di dalam aspek pengurusan Lembaga Juruukur Tanah Berlesen dan meningkatkan pengetahuan dari segi penggunaan teknologi ukur tanah.

Ini juga dapat membantu meningkatkan perkhidmatan Juruukur Tanah

Berlesen terhadap perkembangan, pengurusan dan perbincangan negara-negara masing-masing.

Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan telah menubuhkan lembaganya sendiri pada 18 Mac 1980 dan telah diperbaharui pada tahun 1984 tanpa

mengubah akta berkenaan.

Tahun ini merupakan kali ketiga Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut setelah menjadi tuan rumah buat pertama kali pada tahun 1997 dan kali kedua pada tahun 2002.

Simposium Perawatan Kritikal bentang sembilan topik



Oleh : Hezlinawati
Haji Abd. Karim

melalui Jabatan Perubatan Perawatan Kritikal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) terus komited ke arah memberikan pendidikan perubatan secara berterusan.

Salah satu langkah yang dibuat adalah dengan mengadakan Simposium Perawatan Kritikal dirasmikan oleh Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat, di Kiulap Plaza Hotel, di sini.

Simposium dihadiri

oleh lebih seratus doktor dan jururawat dari seluruh negara yang terlibat dalam perawatan kritikal, kecemasan dan kemalangan serta pelalian.

Dalam ucap tamanya, pemsyarah jemputan dari Konsultant Penyakit Berjangkit, Dr. Hajah Norliza binti Ariffin dari Pusat Perubatan *Sime Darby*, Malaysia berkata antara punca ketidaksesuaian antibiotik adalah penggunaan antibiotik yang salah bagi jangkitan yang nyata serta penggunaan dos yang salah bagi ubat yang betul.

Sebanyak sembilan topik berkaitan perawatan kritikal dibentangkan oleh para pemsyarah daripada dalam dan luar ne-

gara dibincangkan semasa simposium sehari ini.

Melalui simposium seumpamanya para peserta akan dapat mengongkakan pengalaman dalam perawatan kritikal ke atas para pesakit, di samping mengkaji semua tajuk penting berkaitan perawatan kritikal seperti kawalan jangkitan, pengurusan jangkitan yang teruk dan pengurusan kecederaan di kepala yang dahsyat.

Selain itu simposium ini juga akan dapat dijadikan platform bagi para pekerja perawatan kesihatan lainnya untuk mengongkakan pengalaman dan pengetahuan mereka untuk meningkatkan kualiti rawatan ke atas para pesakit.

Penuntut SRYSHHB kunjungi Hari Pelanggan KHEU

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd.
Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Ogos. - Serombongan penuntut dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SRYSHHB) telah mengadakan kunjungan ke Pameran Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jalan Menteri Besar.

Berangkat menyertai rombongan tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Ha-

ji Abdul Rahim.

Lawatan bermula dengan sembah taklimat mengenai Prosedur Pengajian di bawah KHEU, diadakan di Dewan Melor, Tingkat 2, bangunan Kementerian itu, di sini.

Taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Rosli bin Haji Md. Salleh dan Dayang Hajah Safina binti Haji Abd. Salam yang antara lain menyentuh mengenai prosedur kemasukan ke sekolah Arab, manakala prosedur kemasukan ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah disampaikan oleh Dayang Hajah Hasni binti Haji Md. Salleh.

Yang Amat Mulia dan rombongan seterusnya dijunjung menyaksikan aktiviti-aktiviti yang diadakan antaranya teka kuiz Hari-hari Kebesaran Islam, mari bercerita, mengenal abjad

dan peraduan menyusun gambar sebelum menyaksikan pameran KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sambutan Hari Pelanggan KHEU yang bertemakan 'Iltizam Dalam Perkhidmatan' diadakan selama empat hari bermula 31 Julai lalu dan berakhir 4 Ogos 2010.

Hari Pelanggan KHEU Ke-5 ini bertujuan untuk merubah pemikiran Perkhidmatan Awam untuk menjadi lebih bersesuaian dengan kehendak pelanggan agar lebih cekap, tekun, telus dan bertanggungjawab.

Tahun ini Hari Pelanggan KHEU memberikan tumpuan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu kepada orang ramai agar para pelanggan mendapat banyak faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bersama rakan-rakan semasa mengunjungi Pameran Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd.Yassin.

Cemerlang dalam bidang sukan dan akademik memerlukan komitmen yang tinggi

Oleh :
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila berkata penubuhan Sekolah Sukan adalah mengambil kira bahawa sekolah biasa kurang selesa dan sesuai atau kondusif bagi pelaksanaan program perkembangan dan pembangunan potensi sukan para pelajar secara menyeluruh.

Katanya, penubuhan sekolah ini juga adalah mencerminkan komitmen dan sokongan Kementerian Pendidikan terhadap Dasar Sukan Negara.

Melahirkan ahli-ahli sukan yang cemerlang di peringkat nasional serantau dan antarabangsa serta berjaya dalam bidang akademik bukanlah perkara yang mudah, ujar beliau.

Awang Haji Suhaila menyatakan perkara tersebut di



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila semasa berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Cemerlang Akademik dan Sukan Sekolah Sukan 2008 - 2009, di The CentrePoint, Gadong. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Majlis Penyampaian Hadiah Cemerlang Akademik dan Sukan Sekolah Sukan 2008-2009 di *The CentrePoint*, Gadong, di sini.

Katanya untuk berjaya dengan cemerlang dalam bidang sukan dan sekali gus dalam bidang akademik setentunya

memerlukan usaha yang lebih besar, komitmen yang tinggi, disiplin diri yang padu, penjadualan masa dan pemakanan yang seimbang.

Dalam kata yang lain ujar beliau penuntut haruslah lebih peka dalam keadaan sebagai seorang pelajar dan sebagai atlet sukan.

Dalam hubungan ini tambahnya Kementerian Pendidikan akan terus berusaha dan mencari jalan bagi menyediakan penyaluran pelajar-pelajar sekolah ini ke peringkat selanjut selepas pendidikan menengah khususnya dalam bidang yang berkaitan dalam sukan.

Penerima anugerah sebagai olahragawan 2009 jatuh kepada Abdul Hadi bin Saidin dan penerima anugerah olahragawati jatuh kepada Eszarani anak Sebad.

Manakala penerima anugerah olahragawan dan olahragawati 2008 jatuh kepada Md. Nur Fadzillah bin Metussin dan Amalina Aliah binti Haji Gapor.

Israk dan Mikraj uji keimanan, keyakinan umat manusia



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman semasa menghadiri Majlis Sambutan Israk dan Mikraj JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1431 Hijriah/2010 Masihi. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

RIMBA, Sabtu, 24 Julai. - Tanggal 27 Rejab merupakan suatu peristiwa penting bagi umat Islam bersempena Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa ini bagi menguji keimanan serta keyakinan umat manusia terhadap kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara perkara penting yang berlaku dalam peristiwa tersebut adalah perintah menunaikan ibadah solat lima kali sehari yang disampaikan sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pengarah Pusat Kebangsaan E-kerajaan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad menyatakan perkara itu semasa berucap selaku pengerusi Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1431 Hijriah/2010 Masihi.

Tambahnya, sebagai umat Islam hendaklah menjaga dan memelihara ibadah solat tersebut dengan bersungguh-sungguh walaupun semasa kita menjalankan tugas seharian.

Tegasnya, pengabaian terhadap ibadah solat akan menyebabkan lain-lain urusan tidak akan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut Menteri Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas yang di sampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiyah, Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah bertajuk 'Ilahi Selamatkan Negara Brunei Darussalam'.

Dalam ceramah tersebut beliau antara lain mengaitkan peristiwa Israk dan Mikraj dengan jihad dalam Perkhidmatan Awam.

Katanya orang yang berjihad di jalan Allah nescaya akan dilipatgandakan pahalanya sehingga 700 kali.

Kejayaan Qariah Membanggakan Negara

Dari Muka 1

Oleh :
Dk Hj Fatimah Pg Hj Md Noor

Sementara itu, Awangku Mohd Adibul Amin bin Pengiran Haji Mrzuki yang mewakili Negara dalam kategori qari telah diumumkan mendapat tempat kelima dengan markahnya 87.72 peratus, di belakang qari Iran tempat keempat, qari Republik Filipina tempat ketiga, qari Malaysia tempat kedua manakala qari dari Mesir meraih tempat pertama.

Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan kejayaan selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1977 dan 1978, 1980 dan 1981, 1991 dan 1992 dan kali terakhir pada tahun 2001 dan 2002.

Dalam sejarah penyertaan negara ke Musabaqah tersebut sejak tahun 1961 dan tahun ini, negara kita telah muncul dua kali johan, empat kali menjadi naib juara dan menduduki tempat ketiga sebanyak 10 kali.

Pencapaian terbaik qariah negara iaitu pada tahun 2002, dengan kejayaan Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manap selaku



DAYANG Hajah Norfaezah binti Haji Emran menduduki tempat kedua dalam Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa 1431 Hijriah/2010 Ke-52 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Johan manakala Awang Haji Mashud melakar sejarah pertama juara qari pada tahun 1977 telah mengharumkan nama negara dengan kejayaannya itu.

Dato Paduka Haji Yusoff bin Bakar telah menyandang gelaran



AWANGKU Mohd Adibul Amin bin Pengiran Haji Mrzuki yang mewakili Negara dalam kategori qari telah diumumkan mendapat tempat kelima.

naib johan pada tahun 1991. Sementara dalam tahun 1999 dan 2001 negara kita menduduki tempat ketiga menerusi kejayaan Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim dan Mudim Haji Metassin bin Haji Metussin.

Sarjana, doktor falsafah disaran terbitkan hasil karier

Oleh : Siti Zurairah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Para graduan yang telah lulus dan akan lulus di peringkat sarjana dan doktor falsafah yang diperolehi dari pusat-pusat pengajian tinggi dalam mahupun luar negara disarankan supaya akan menerbitkan karya masing-masing yang berseesuaian dengan kandungannya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad me-

nyatakan dengan menerbitkan karya tersebut bukan hanya akan dapat mengangkat nama peribadi penulisnya, malah juga akan menjadi satu sumbangan yang sangat berharga kepada negara yang masih kekurangan bahan-bahan rujukan dan masih dahagakan ilmu pengetahuan.

Menurut Yang Berhormat, hasil karya yang ditulis secara ilmiah sama ada di peringkat sarjana (*masters degree*) atau doktor falsafah (Ph.D) berupa

tesis atau disertasi adalah amat berharga kerana penemuan-penemuan dan rumusan-rumusan di dalamnya akan dapat menjadi cermin perbandingan, pemikiran dan membuka mata pihak-pihak yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan dan seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian dalam bidang akademik dan perkhidmatan.

“Tetapi kalau karya penyelidikan di peringkat sarjana itu tidak dimanfaatkan, maka ia hanya akan tersimpan di dalam almari buku-buku dan laici-laci sebagai kenang-ke-

nangan dan ristaan,” ujar Yang Berhormat.

Sikap kurang menghargai karya ilmiah yang berlaku di setengah kalangan dalam masyarakat kita jelas Yang Berhormat adalah seperti orang yang tidak tahu membezakan antara intan dengan permata yang pada akhirnya nampak sama sahaja tetapi jauh berbeza umpama peribahasa Melayu *jauhari jua mengenal mani-kam*.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyeru para intelektual di Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) khasnya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) agar menjadi *Jauhari dan manikam* yang bersinar di negara ini.

“Kita jauhi sikap negatif yang merugikan, sebaliknya kita bangunkan sikap positif untuk membangun agama, masyarakat dan negara yang kita cintai,” jelas Menteri Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Program-program Sarjana dan Memulakan Pengajian Bagi Sesi 2010 / 2011 di Dewan Be-

sar KUPUSB, Yang Berhormat melahirkan perasaan gembira kerana KUPUSB di peringkat awal mulai kemasukan sesi 2010 / 2011 akan dapat menjalankan dua program kesarjanaan iaitu Program Sarjana Perguruan Ugama Bidang Fiqh dan Program Sarjana Perguruan Ugama Bidang Penyelidikan.

Dengan pelancaran program baru tersebut, Yang Berhormat berharap ia akan menjadi titik permulaan untuk berkembang maju di masa akan datang dan akan terus menawarkan program-program yang lebih relevan dengan

perkembangan dan tuntutan semasa khasnya menajana program-program sarjana muda dan kesarjanaan dalam bidang pendidikan agama.

Memperkenalkan program sarjana tambah Yang Berhormat bermakna kita menggalakkan para calon sarjana untuk membuat kajian dan penyelidikan secara ilmiah, bukan semata-mata berdasarkan teori, malahan berdasarkan praktikal dan fakta-fakta yang diperolehi dari pelbagai sumber rujukan yang bersifat *primary* dan *secondary*.

Guru agama perlu punya jati diri, iltizam tinggi



Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

berkenaan, Ustazah Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Ketika berucap Ustazah Dr. Hajah Masnon antara lain berkata dalam memartabatkan profesion keguruan agama, para mahasiswa dan mahasiswi perlu ingat seseorang guru agama perlu mempunyai jati diri dan iltizam yang tinggi untuk membangunkan pendidikan agama yang berkualiti melalui kecermerlangan pembangunan sains, baik individu guru itu sendiri mahupun anak didiknya.

“Seseorang guru atau pendidik itu dinilai dari pelbagai aspek, terutama dari segi ketokohan, keperibadian dan kewibawaan,” ujarnya semasa majlis yang diadakan di Dewan Utama kolej berkenaan, di sini.

Seorang guru itu katanya bukan saja perlu memiliki dan berkeyakinan

diri yang tinggi terhadap pelbagai ilmu secara mendalam dan berpendidikan yang sempurna, tetapi juga perlu sentiasa beramal dan berpegang teguh dengan ilmu yang dimilikinya.

Di majlis itu, ikrar pelajar pengambilan ke-4 sesi 2010 / 2011 KUPUSB diketuai oleh Awang Abdul Azim bin Haji Ibrahim, pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Usuluddin) Sesi 2010 / 2011.

Seramai 292 pelajar berjaya diterima mengikuti pengajian dalam beberapa program ijazah, diploma dan sijil yang ditawarkan di kolej universiti berkenaan bagi sesi akademik 2010 / 2011.

65 pelajar akan mengikuti Program Diploma Perguruan Ugama Lepas-an Ijazah, 87 akan mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan

Ugama (Usuluddin) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Syariah), 121 mengikuti Program Diploma Tertinggi Perguruan (Usuluddin) dan Program Diploma Tertinggi Perguruan (Syariah) dan seramai enam pelajar mengikuti Sijil Khas Perguruan Ugama.

Minggu *Ta'aruf* KUPUSB merupakan salah satu usaha untuk memberi kesedaran tentang kepentingan memahami falsafah, visi dan misi KUPUSB menerusi pencapaian beberapa objektif antaranya memperkenalkan budaya hidup di KUPUSB dalam konteks kemahiran mengurus masa.

Memperkenalkan dan menyuburkan budaya menuntut ilmu di KUPUSB dan meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab sebagai warga KUPUSB serta memelihara silaturahim juga merupakan antara objektif minggu *Ta'aruf* tersebut.

UNISSA semarakkan Israk dan Mikraj

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Julai. - Majlis-majlis Sambutan Israk dan Mikraj merupakan acara keagamaan tahunan yang diadakan di seluruh negara bagi memperingati peristiwa agung Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diperjalankan dari Masjidilharam ke Masjidilqas (Israk) dan Masjid Aqsa ke Sidratul Muntaha (Mikraj).

Dalam menyemarakkan peristiwa tersebut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Majlis Israk dan Mikraj 1431 Hijriah di Dewan Jubli UNISSA.

Majlis diserikan dengan forum khas bertajuk *'Israk Mikraj: Yang Tersurat dan Tersirat'* dibarisi oleh ahli-ahli panel dan Pengerusi terdiri dari pelajar-pelajar tahun empat.

Sambutan Israk dan Mikraj merupakan salah satu program yang disusun sempena Minggu *Ta'aruf* Pelajar Baru Sesi Pengajian 2010-2011.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut Rektor UNISSA, Dr. Haji Serbini bin Haji Matahir.

Antara tujuan majlis tersebut ialah untuk memperingati sejarah perjalanan Israk dan Mikraj serta menghayati dan mengamalkan pengajaran dan iktibar dari peristiwa berkenaan.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Serbini, antara yang hadir di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj anjuran UNISSA. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Pusat Ehsan terima sumbangan dari PTEK dan Suruhanjaya Tinggi Pakistan

Oleh : Abdullah Asgar

BENGGURONG, Jumaat, 30 Julai. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam terus menerima bantuan dan sumbangan derma bagi melancarkan pengurusan dan pentadbiran pusat itu memandangkan keperluan dan ahli yang terus bertambah.

Kelab Kembara Pusat Tingkatan Enam Katok (PTEK) menyumbangkan wang tunai BND500 ke arah menyokongkan pengurusan dan pentadbiran pusat berkenaan.

Menyampaikan sumbangan tersebut ialah Yang Dipertua Kelab Kembara PTEK, Dayang Nur

Diyana binti Suhaili kepada Ahli Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini.

Selain menyumbangkan sumbangan, Kelab Kembara juga mengadakan lawatan sambil belajar bersama serombongan 38 orang yang diketuai oleh setiausaha, Awangku Md. Amirul Mukmin bin Pengiran Haji Hamzah.

Sementara itu, Pejabat Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan di negara ini juga menyumbangkan bantuan berupa makanan (mangga manis kepada

anak-anak istimewa di pusat tersebut.

Menyampaikan sumbangan ialah isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan, Puan Baseerat-un-Nisa yang diterima oleh Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini.

Terdahulu itu, kedua-dua pihak penyumbang telah mendengarkan taklimat ringkas mengenai latar belakang Pusat Ehsan yang disampaikan oleh Ketua Pentadbirannya, Haji Abd. Hamid bin Maaruf yang kemudian diikuti dengan melawat dan bersemuka bersama ahli-ahli anak-anak istimewa Pusat Ehsan.



BERGAMBAR RAMAI ... Pusat Tingkatan Enam Katok ketika mengabdikan gambar kenangan semasa membuat lawatan ke Pusat Ehsan Bengkurong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Gunakan komputer di landasan yang betul



Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

an perisian itu memerlukan kemahiran tinggi.

Selain itu tambahannya para pemakainya mestilah mempunyai sikap tekun bagi merintis segala macam kerana komputer yang kadang-kadang menyebabkan sesetengah orang kecundang dan rimas kerana gagal menguasai kemahiran tersebut.

Bagaimanapun beliau kagum terhadap murid-murid yang telah berjaya merentasi sebahagian daripada kecanggihan perisian *powerpoint* dan telah menjuarai Pertandingan *My Digital Literacy (MDL)* di Peringkat Daerah Belait.

Awang Haji Suhaila menyatakan perkara tersebut di Majlis MDL Pameran Penyampaian *Multimedia Powerpoint* Matematik 2010 Bagi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait.

lah Rendah Daerah Belait yang diadakan di Rumah Persinggahan Kerajaan.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan ibu bapa supaya sentiasa mengawal anak-anak mereka semasa menggunakan komputer kerana penggunaan komputer yang tiada kawalan boleh menyebabkan kanak-kanak membazir masa mereka.

Beliau mengingatkan perkara tersebut kerana ada sungutan daripada ibu bapa bahawa anak-anak mereka terlalu kerap berdampingan dengan komputer bagi melayari laman web Facebook yang popular ketika ini.

Penggunaan *Facebook*, katanya tidak dilarang tetapi murid-murid perlu bijak membahagikan masa semasa melayari laman web tersebut.

“Meskipun banyak faedah yang diperolehi, na-

sihat serta bimbingan guru-guru amat dituntut supaya kesan negatif sosial ICT tidak menghinggapi murid-murid,” tegas beliau.

Beliau berkata murid-murid yang diajar secara langsung dalam waktu pembelajaran komputer, beberapa perisian aplikasi lazimnya seperti *spreadsheet*, *words*, *powerpoint* dan lain-lain namun kemahiran itu juga diharap sebagai kemahiran yang diperolehi sebagai mengiringi penggunaan ICT dalam pembelajaran mata-mata pelajaran lain.

Oleh yang demikian, beliau berharap guru-guru harus memastikan waktu bersemuka atau waktu kurikulum digunakan dengan bijak secara berkualiti (jangan hendaknya penggunaan ICT dibuat asal sahaja memenuhi keajutan belajar menggunakan ICT tetapi kurang memberi kesan kepada murid-murid dalam memahami konsep atau prin-

sip yang penting dan abstrak), jika itu berlaku, katanya, penggunaan waktu belajar dengan ICT tidak begitu berbaloi.

Beliau seterusnya menekankan pihak sekolah harus memastikan perkakasan dan *gadget* yang perlu sahaja diberi keutamaan termasuk segala perkakasan yang perlu atau *hardware* ICT yang asasi hendaklah dipastikan mencukupi.

Di majlis tersebut, beliau menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada sekolah-sekolah yang memenangi Pertandingan MDL *Multimedia Powerpoint* bagi mata pelajaran Matematik yang memfokuskan kepada pengajaran bahagi.

Pertandingan bagi penyertaan murid-murid rendah atas mengikut zon johan tahun empat bagi Zon Belait ialah Sekolah Rendah PSB SOAS manakala johan tahun lima disandang oleh Sekolah Rendah PSJ Pengiran

Abd. Momin dan johan tahun enam pula Sekolah Rendah PSJ Pengiran Abd. Momin.

Zon Seria pula johan tahun empat, lima dan enam semuanya dirangkul oleh Sekolah Rendah PSN Pengiran Mohd. Yusof manakala Sekolah Rendah Lumut pula johan tahun empat, lima dan enam bagi Zon Liang Lumut sementara Zon Pedalaman pula johan tahun empat dan lima, Sekolah Rendah Labi dan johan tahun enam, Sekolah Rendah Merangking.

Di majlis tersebut johan setiap zon iaitu Zon Belait (tahun empat), Zon Seria (tahun lima), Zon Liang Lumut (tahun enam) dan Zon Pedalaman tahun enam menyampaikan MDL.

MDL merupakan projek bersama Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Rendah (JAPSER) Belait yang

dilaksanakan bagi menyahut Sistem Pendidikan Negara (SPN) Abad Ke-21.

Projek tersebut kali kedua diadakan sejak ia dilaksanakan tahun lalu yang antara lain bertujuan bagi menghasilkan dan mempromosikan hasil kerja kumpulan murid-murid, di samping menyediakan murid dengan pengalaman dalam proses mengumpul maklumat.

Pengerusi Majlis, Guru Besar Sungai Teraban, Awang Masri bin Haji Lahid menyatakan pertandingan akan diteruskan pada tahun hadapan dengan lebih memfokuskan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu bagi menyahut kebimbangan semua pihak terhadap penggunaan bahasa tersebut pada masa ini semakin kurang diambil perhatian cara penggunaannya.

TIMBALAN Setiausaha Tetap Pendidikan Teras Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim semasa berucap di Majlis My Digital Literacy (MDL) Pameran Penyampaian Multimedia Powerpoint Matematik 2010 Bagi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait.

KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Julai. - Timbalan Setiausaha Tetap Pendidikan Teras Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim menyatakan, mengolah perisian *powerpoint* bagi tujuan pembelajaran bukan sesuatu yang mudah kerana kebolehan dalam pengolah-

Eksplorasi penggerudian 14 telaga dimulakan

KUALA BELAIT, Ahad, 1 Ogos. - Syarikat Petroleum Brunei (BSP) memulakan Fasa Pertama siri pengurudian 14 eksplorasi telaga di Anduki.

Penggalan Telaga S-895 di kawasan Anduki menandakan bermulanya kempen eksplorasi pengurudian atas pantai oleh BSP, yang juga dikenali sebagai projek awal peluang-peluang pengeluaran Darat (DEPO).

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah

hadir selaku tetamu kehormat bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan dan BSP yang lain.

Sementara itu, Pengarah Urusan BSP, Dr. Grahaeme Henderson menyatakan, di BSP mereka terus membangun aset-aset di daratan.

Katanya mereka telah mengurdi lebih 140 buah telaga atas pantai di Brunei sejak 25 tahun lepas dengan pengeluaran di darat bertambah 50 peratus sejak tahun 2007 dan Projek DEPO akan membinanya lebih banyak

lagi.

Penggerudian telaga jelsnya merupakan kerja harian mereka di BSP, baik di luar pantai mahupun di atas pantai dan yang penting ialah keselamatan dan pencapaian penjagaan persekitaran.

Seperti pembangunan di sebelah Utara Seria ujarnya, telaga-telaga DEPO akan digerudi daripada lokasi atas pantai tetapi akan mensasarkan kepada blok-blok atas pantai di bawah zon laut cetek.

Blok-blok yang sudah

dikenal pasti akan mendapat manfaat daripada teknologi-teknologi baru di mana BSP melaksanakan di telaga-telaga berbentuk *mata kail* yang digunakan membangun di sebelah Utara Seria.

Menurut Dr. Henderson Projek DEPO akan terus membangun peluang-peluang lain yang lebih besar di kawasan persisiran pantai Brunei.

Telaga-telaga DEPO menyusuli kejayaan pembangunan kawasan sebelah Utara Seria yang kini sudah mengeluarkan lima juta barel minyak kepada negara ini.

Lebih 30 pengurus premis makanan hadir taklimat

Berita dan Foto :
Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Sabtu, 31 Julai. - Lebih 30 orang Pengurus premis makanan telah menghadiri Taklimat Keselamatan Makanan dan Perumahan Sihat anjuran Jabatan Kesihatan Temburong bertempat di Dewan Muafakat, Jabatan-jabatan Kerajaan.

Ia bertujuan bagi memberikan pendidikan asas kepada pengurus dan pengendali makanan tentang kepentingan keselamatan, kualiti, kandungan khasiat makanan serta kaitannya kepada kesihatan awam dan juga untuk menanam sikap positif dalam mengimplementasi penjagaan kesihatan pengurus atau pengendali makanan.

Selain itu, ia juga bagi memupuk kefahaman, kesedaran serta peranan usahasama pengurus dan pengendali makanan dalam mempertingkatkan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini melalui

penyelidikan makanan sihat dan selamat.

Menghadiri taklimat tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad.

Merinyu Kesihatan, Dayang Maswani binti Yusof dari Unit Kawalan Keselamatan Makanan dalam taklimat yang disampaikan antara lain menyentuh mengenai perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh para pengurus dan pengendali makanan iaitu untuk menjaga kebersihan diri sebelum bertugas, mengelakkan menyentuh muka, merokok, mencuci tangan setiap kali sebelum mengendalikan makanan menggunakan sabun anti kuman dan untuk memakai pakaian dan pada apron yang bersih dan bersesuaian.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad ketika menghadiri Taklimat Keselamatan Makanan dan Pemakanan Sihat anjuran Jabatan Kesihatan Temburong berlangsung di Dewan Muafakat, jabatan-jabatan kerajaan.

Manakala, penyakit bawaan makanan ialah merupakan penyakit yang berpunca daripada pengambilan makanan atau minuman yang telah dicemari oleh bakteria, virus atau racun semula jadi yang biasanya berhubung kait dengan makanan mentah yang berasal daripada binatang yang banyak mengandungi protein seperti daging, ayam dan seumpamanya.

Kunci utama bagi pencegahan penyakit bawaan makanan ialah dengan mengelakkan makanan daripada tercemar dengan mematuhi empat prinsip keselamatan makanan ketika memasak, menyediakan dan menghidang makanan iaitu: Kebersihan, makanan panas, makanan sejuk dan mengelakkan pencemaran silang atau *cross contamination*.

Sek. Ugama Penanjong juarai Peraduan Tahlil dan Doa Arwah

Berita dan Foto :
Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Selasa, 27 Julai. - Sekolah Ugama Penanjong Tutong muncul johan dalam dua Kategori Lelaki dan Perempuan bagi Peraduan Tahlil dan Doa Arwah Persekolahan Ugama (Peringkat Pemilihan) Ke-18 Bagi Tahun 1431H/2010M berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Sekolah Ugama Tumpuan Telisai dan tempat ketiga, Sekolah Ugama Kiudang.

Sementara Sekolah Ugama Keriam menduduki tempat naib johan bagi Kategori Perempuan dan tempat ketiga, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Madzneh bin Haji Mohd. Noor.

Menurut Pengerusi Majlis, Dayangku Hajah Mariam binti Pengiran Haji Mumin berkata, Peraduan Tahlil dan Doa Arwah Bagi Persekolahan Ugama ini adalah sebahagian daripada kegiatan tahunan Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama dan telah dilaksanakan sejak tahun 1993.

“Peraduan ini diadakan bertujuan bagi memupuk dan menanam minat pelajar untuk mempraktikkan pelajaran tahlil dan doa arwah, mengetengahkan kebolehan pelajar menerusi peraduan tahlil dan doa arwah, sebagai usaha ke arah mencapai matlamat persekolahan agama bagi memastikan pelajar pandai membaca tahlil dan doa arwah dengan baik dan melatih pelajar berani tampil menyertai tahlil dan doa arwah dalam masyarakat,” jelasnya.

Beliau menjelaskan, sudut penghakiman dan penetapan markah diambil dari sudut *tajwid*, *fasahah*, ren-

tak suara dan tertib.

Syarat bagi menyertai Peraduan Tahlil dan Doa Arwah Bagi Persekolahan Ugama ini dibukakan kepada pelajar-pelajar sekolah agama dalam Darjah Empat, Lima dan Enam, Sekolah Persediaan Arab dan Menengah (Tahun 7 dan 8) dan setiap peserta hanya dibenarkan menghantar dua pasukan iaitu pasukan lelaki dan perempuan terdiri daripada lima orang peserta termasuk ketua dan pembaca doa (sekolah dua sesi satu pentadbiran pagi dan petang). Sebanyak 11 buah sekolah agama di Daerah Tutong menyertai peraduan tersebut.

Pemenang peraduan itu nanti akan mewakili Daerah Tutong ke peringkat akhir yang diadakan pada 19 Ogos depan bertempat di Dewan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Penyampaian hadiah dan sijil penghargaan disempurnakan oleh tetamu kehormat di majlis tersebut.



KETUA Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Madzneh bin Haji Mohd. Noor menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Tahlil dan Doa Arwah Persekolahan Ugama (Peringkat Pemilihan) Ke-18 Bagi Tahun 1431H/2010M.

BSP capai mercu tanda besar, cepat bina jaket pelantar pelayaran

KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Julai. - Syarikat Petroleum Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) mencapai satu lagi mercu tanda besar berikutan penyiapan cepat dan jaket pelantar pelayaran (*sailaway platform's jacket*) Selangkir Iron Duke (SKID).

Prestasi luar biasa ini adalah peningkatan hampir tiga bulan berbanding yang terdahulu, Jacket Bugan, yang mengambil masa sebelas bulan untuk diselesaikan, tanpa menga-

baikan keselamatan.

Sebagai penghargaan atas prestasi cemerlang ini, pasukan Projek SKID minggu depan akan menerima anugerah atas prestasi pencapaian keselamatan teladan tiga juta jam bekerja tanpa kecederaan dan untuk kejayaan *sailaway jacket*.

Pengarah Urusan BSP, Dr. Grahaeme Henderson menyatakan, pihaknya sangat gembira dengan penyiapan cepat jaket SKID.

Ia telah dipasang di dasar laut di lokasi kira-kira 40 kilometer jauh dari pantai pada kedalaman sekitar 50 meter, tanpa mengabaikan piawaian keselamatan yang ketat.

Kerja membuat jaket bermula pada pertengahan November 2009 dan selesai hanya dalam masa lapan bulan di Marina Limbungan Pembinaan (MCY), di Kuala Belait.

Berikutan itu, jaket berkaki empat dipasang dengan panduan pengalir un-

tuk telaga.

Kemudian dipunggah ke dalam tongkang dan ditarik keluar oleh kapal penarik ke lokasi kekal lepas pantai.

Di sini, sebuah derek khusus di atas kapal derek digunakan untuk meletakkan jaket di dasar laut.

Kegiatan tersebut sangat penting untuk mempersiapkan pemasangan struktur ini.

Mercu tanda seterusnya akan disiapkan, *sailaway*

dan pemasangan sisi atas, yang saat ini dibuat di MCY, harus dicantumkan pada keseluruhan struktur.

Projek besar ini, serupa dengan yang terdahulu, bermanfaat kepada rangkaian pembekal tempatan Brunei.

Petroleum Brunei Shell dalam usahanya terus untuk memelihara pertumbuhan perniagaan tempatan telah mengupah kontraktor tempatan untuk menyokong kerja ini.

Sebuah pasukan bersepadu dari BSP dan kontraktor bekerja keras untuk menyelesaikan projek ini dengan cepat dan selamat.

Penyelesaian segera jaket juga disokong oleh gabungan dari tiga elemen; reka bentuk yang disederhanakan, pembinaan lebih cepat dan penambahan masa bekerja.

Semua pembinaan telah dilakukan oleh Syarikat Sistemik Sdn. Bhd.

(SKS), sebuah syarikat kontraktor tempatan yang juga bekerja di Jacket Bugan dan Mampak.

Dr. Henderson seterusnya berkata, "Kami akan meneruskan kemajuan yang menakjubkan ini dan diupayakan dengan sokongan penuh dan kecemerlangan teknikal antara BSP dan komuniti kontraktor tempatan, tidak ada keraguan bahawa potensi penuh SKID akan direalisasikan."

Penyampaian hadiah Peraduan Fotografi Produk Mukim dan Kampung



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy ketika hadir di Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Peraduan Fotografi Produk Mukim dan Kampung Daerah Temburong.

TEMBURONG, Sabtu, 31 Julai. - Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Peraduan Fotografi Produk Mukim dan Kampung Daerah Temburong Sempena Perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 berlangsung di Ruang Legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohamad.

Turut hadir, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pegawai dan kakitangan di Jabatan Daerah

Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

Temburong.

Peraduan fotografi ini merupakan salah satu acara sampingan bagi Pameran dan Jualan Produk Mukim dan Kampung Daerah Temburong Sempena Perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Peraduan ini khusus bagi gambar-gambar produk mukim dan kampung Daerah Temburong sahaja dan penyertaan terbuka kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tinggal dan menetap di daerah ini sahaja.

Ia bertujuan untuk memeriahkan dan menyemarakkan lagi acara-acara perayaan sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM.

Gambar-gambar peraduan ini dihakimkan bukan saja dari segi ketepatan subjek di gambar tetapi juga dari segi teknikaliti pengambilan gambar.

Tiada gambar yang dipilih untuk tempat pertama kerana gambar-gambar yang dihantar belum menepati kualiti dan teknikaliti yang dihasratkan oleh pihak penganjur iaitu dari segi *sharpness* dan *exposure*. Tetapi komposisi gambar-gambar yang diambil untuk penyertaan peraduan ini adalah memuaskan.

Pemenang tempat kedua oleh Dayang Ampuan Irma Susanti binti Ampuan Hussain dan Pemenang Ketiga dimenangi Awang Haji Nurdin bin Haji Sapor.

Para pemenang pertandingan pintu gerbang dan bercucul menerima hadiah

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Julai. - Seramai lebih 30 peserta mengikuti Pertandingan Pintu Gerbang dan Hiasan Bercucul Rumah-rumah dan Bangunan-bangunan Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Bagi Daerah Belait.

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah bertempat di Dewan Bandaran.

Pertandingan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik Daerah Belait dibahagikan kepada lima kategori : Kategori Satu bagi sekolah-sekolah kerajaan, Kategori Dua - sekolah-sekolah swasta, Kategori Tiga - bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, Kategori Empat - rumah-rumah persendirian dan kerajaan dan Kategori Lima - masjid, surau, balai ibadat dan balai raya.

Kategori Satu hanya disertai oleh Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan telah menduduki tempat kedua dengan menerima BND200, piala iringan dan sijil penyertaan; manakala johan Kategori Dua, Sekolah St. James Kuala Belait dengan menerima BND350, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan, tempat kedua, Sekolah St. John menerima BND200, piala iringan dan sijil penyertaan dan tempat ketiga, Sekolah

Menengah Chung Hwa, Kuala Belait menerima BND100, piala iringan dan sijil penyertaan.

Johan Kategori Tiga, Jabatan Kerja Raya menerima BND250, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan, tempat kedua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kuala Belait menerima BND170, piala iringan dan sijil penyertaan dan tempat ketiga, Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Liang menerima BND100, piala iringan dan sijil penyertaan.

Sementara johan Kategori Empat, Awang Haji Arabi bin Yusof menerima BND350, piala iringan dan sijil penyertaan, naib johan, Awang Mohd. Zainal bin Md. Tahir menerima BND200, piala iringan dan sijil penyertaan dan tempat ketiga, Awang Wan Muhd. Juwaidi bin Wan Julaini menerima BND100, piala iringan dan sijil penyertaan, manakala Kategori Lima dimenangi oleh surau MKJB dengan menerima BND100, piala iringan dan sijil penyertaan.

Pengerusi jemaah hakim pertandingan, Awang Haji Aziman bin Haji Tengah menjelaskan bahawa penghakiman penilaian diadakan sepanjang tempoh perayaan dan syarat-syarat penyertaan antaranya seni kata dalam tulisan jawi diutamakan dan latar belakang seperti panji-panji dan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak dibenarkan dipasangkan di pintu gerbang.

Manakala cara pemarkahan bagi pintu gerbang pula katanya dinilai dari sudut kreativiti penyusunan lampu cucul sebanyak 30 peratus, kreativiti reka bentuk gerbang hiasan 25 peratus, kreativiti tulisan dan lukisan masing-masing 15 peratus, kebersihan persekitaran lima peratus dan keselamatan, kecekapan pendawaian kabel-kabel elektrik sepuluh peratus.

Berikan dorongan kepada pelajar-pelajar menghadapi peperiksaan

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Sabtu, 31 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SM-SB) telah menganjurkan Majlis Sesi Kongsisama Dengan Bekas Pelajar-pelajar Sekolah Peringkat Menengah bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, di sini.

Antara tujuan majlis ini diadakan, adalah bagi memberikan semangat, motivasi dan dorongan kepada pelajar-pelajar sebelum menghadapi peperiksaan awam peringkat 'O' nanti, jelas Pengerusi Majlis, Awang Muhammad Faris bin Abdullah ketika berucap di majlis tersebut.

Beliau menekankan mengenai dengan hala tuju pelajar-pelajar yang mana sebahagian besar jumlah pelajar masih belum dapat memikirkan dengan sepenuhnya seperti pepatah melayu ada menyatakan '*Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*'.

"Kalau kita perhatikan perspektif Brunei pada masa kini atau pun pelajar-pelajar, peluang-peluang bagi pelajar untuk melanjutkan pelajaran sama ada dalam atau luar negeri adalah banyak dan luas dibandingkan dengan pada

masa lampau," jelasnya.

Manakala di dalam era yang serba canggih dan moden ini katanya, banyak rangkaian seperti internet dan *gadget* seperti komputer, telefon bimbit yang sepatutnya dapat membantu pelajar-pelajar bagi menambah kemahiran belajar dan untuk menghadapi peperiksaan-peperiksaan, sebaliknya semua ini kebanyakannya dimanfaatkan sebagai bahan hiburan dan mengisi masa lapang pelajar.

Beliau berharap para pelajar akan dapat memikirkan hal ini dan merebut peluang-peluang yang ada dan dengan adanya kongsisama seperti ini, para pelajar akan dapat memilih hala tuju masing-masing dengan tepat dan sebaik-baiknya.

Sebanyak lapan penceramah jemputan telah berkongsisama dengan pelajar-pelajar pada hari ini dan dari tujuh penceramah itu adalah bekas pelajar SMSB di mana empat dari mereka ini sedang menuntut di United Kingdom dan tiga yang lain sedang menuntut di Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei Darussalam.

Manakala seorang penceramah ini merupakan salah seorang penerima biasiswa *Sultan Scholars* pada tahun 2007 yang pada masa ini telah menamatkan pengajian be-



BEKAS Penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Penerima biasiswa *Sultan Scholars* pada tahun 2007, Dayang Nur Shahidah binti Shahbudin semasa menyampaikan ceramah di Majlis Sesi Kongsisama Pelajar.

liau di United Kingdom yang merupakan bekas pelajar Sekolah Antarabangsa Berakas.

Penerima *Sultan Scholars*, Dayang Nur Shahidah binti Shahbudin antara lain mengongsi pengalaman beliau sepanjang pengajiannya sehingga berjaya menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda pada tahun ini dalam bidang ekonomik.

Beliau juga menyentuh mengenai cara-cara belajar, pembahagian masa serta kaedah motivasi yang berguna dalam meningkatkan keyakinan diri untuk terus berjaya semasa menyampaikan ceramah beliau di majlis tersebut.

Majlis dihadiri pelajar-pelajar Menengah Lima SMSB.

PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah menyampaikan hadiah kepada pemenang (gambar kanan).



PERKAMPUNGAN SIVIK MAHASISWA SEBERANG LAUT TAHUN 2010

Hadiri ceramah agama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Ogos. - Kira-kira 90 orang mahasiswa dan mahasiswi seberang laut yang sedang bercuti di negara ini memulakan program Perkampungan Sivik 2010 anjuran Jabatan Penerangan dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP).

Perkampungan Sivik selama lima hari diteruskan dengan Kursus Penghayatan Islam yang mana merupakan di antara program yang diaturkan sepanjang mengikuti perkampungan berkenaan.

Dalam Kursus Penghayatan Islam yang diadakan di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia Bandar Seri Begawan di sini, mereka diberikan ceramah yang berkisar mengenai dengan rukun-rukun Islam, sembahyang fardu lima waktu, sembahyang-sembahyang sunat yang disampaikan oleh Dr. Haji Muhammad Syahroni bin Haji Abd. Kahar.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Para peserta Perkampungan Sivik 2010 terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi yang menutut di luar negeri di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan, KHEU dan BSP.

Selain mengikuti kursus berbentuk keagamaan, para peserta juga akan mengikuti taklimat dan membuat lawatan ke agensi-agensi kerajaan dan swasta, di samping berpeluang mengadakan perbincangan dan menghadiri Majlis Makan Malam Bersama Pemangku Menteri Pendidikan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Perkampungan Sivik ini merupakan projek tahunan yang dikendalikan oleh Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan.

Melawat ke Daerah Belait

SERIA, Selasa, 3 Ogos. - Seramai 85 orang mahasiswa Negara Brunei Darussalam yang menutut di seberang laut yang ketika ini sedang bercuti dan mengikuti Perkampungan Sivik selama lima hari bermula 1 Ogos lalu, mengadakan lawatan ke Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC).

Mahasiswa tersebut terdiri dari 36 pelajar yang menerima biasiswa dari Kementerian Pendidikan, 32 orang yang menerima biasiswa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan 17 pelajar yang menerima biasiswa Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP).

Ketibaan rombongan mahasiswi tersebut dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali.

Hadir sama, Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. Juga hadir Pegawai Penerangan, Ketua Bahagian PELITA BRUNEI, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Awang Haji Zainal Abidin dalam ucapannya antara lain menerangkan melalui pertunjukkan slaid bagaimana syarikat menjalankan perniagaannya. Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Royal Dutch Shell telah menjalankan usaha sama selama hampir 80 tahun, menghantar 90 peratus eksport Brunei iaitu gas dan minyak ke destinasi-destinasi yang menjalin perjanjian dengan BSP seperti Jepun, Korea dan sebagainya.

Mengenai penghantaran pelajar ke seberang laut, beliau menyatakan, pihak syarikat sejauh ini telah menghantar sejumlah 219 pelajar di bawah Skim Biasiswa BSP dan dari jumlah tersebut seramai 51 orang telah menerima biasiswa tahun lepas.

Menurutnya pihak syarikat menawarkan biasiswa kepada pelajar untuk mengikuti kursus ke seberang laut bagi mendapatkan sekarang-kurangnya Sarjana Kejuruteraan Kelas Kedua Ke Atas yang bersesuaian dan bagi kepentingan kemajuan syarikat, di samping lulus ujian tapisan dari Badan Pengiktirafan Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya menasihatkan para mahasiswa supaya belajar bersungguh-sungguh bagi masa depan mereka serta berpegang teguh kepada agama, adat resam dan budaya orang-orang Brunei dan dalam pada itu juga mereka juga hendaklah mempelajari perkara-perkara yang positif seperti adat resam dan persekitaran

negara mereka menutut supaya mereka tidak kekok berada di luar negara.

Dari BSRC, Pengarah Penerangan berserta rombongan mahasiswa tersebut melawat ke Jabatan Daerah Belait (JDB) dengan singgah ke Dewan Santap. Di sana rombongan dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan pegawai-pegawai jabatan berkenaan.

Perkampungan Sivik dianjurkan Jabatan Penerangan dengan kerjasama Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan BSP. Program Perkampungan Sivik anjuran Jabatan Penerangan telah wujud sejak tahun 70-an yang mana di antara pesertanya telah bersara dari Perkhidmatan Awam.

Program bertujuan bagi memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Berbagai program telah disusun bagi perkampungan yang dijalankan selama lima hari itu merangkumi taklimat daripada Kementerian-kementerian yang bersangkutan seperti Sistem Pemerintah dan Struktur Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam daripada Jabatan Penerangan, Sistem Pendidikan Negara (SPN21) dari Kementerian Pendidikan, Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara (Wawasan Brunei 2035) dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Penyalahgunaan Dadah (Sindiket Dadah Antarabangsa) dari Biro Kawalan Narkotik dan Bahagian Biasiswa dari Kementerian Pendidikan.

Selain itu, para peserta juga dibawa melawat ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Kampung Bengkong, ke Jabatan Adat Istiadat Negara, BSP dan ke JDB.

PEMANGKU Menteri Pendidikan ketika menyaksikan gambar-gambar ristaan kursus sivik yang lalu (kanan).



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail bergambar ramai dengan para mahasiswa Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut Tahun 2010.



Meninjau kegiatan Pusat Ehsan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BENGGURONG, Selasa, 3 Ogos. - Mahasiswa dan mahasiswi Negara Brunei Darussalam di seberang laut yang sedang mengikuti Perkampungan Sivik semasa percutian di negara ini meneruskan program mereka dengan mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Lawatan rombongan ke pusat ini dialu-alukan oleh Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Awang Haji Abdul Hamid bin Maaruf.

Rombongan yang diketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Kassim bin Haji Abd. Rahman seterusnya diberikan penerangan mengenai latar belakang serta peranan pusat ini oleh Pemangku Pengerusi Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Abd. Wahab.

Sebelum mengakhiri lawatan peserta turut dihiburkan dengan beberapa persembahan oleh insan-insan istimewa dari pusat ini.

Selain sebahagian dari Program Perkampungan Sivik, lawatan antaranya bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai hal ehwal kerajaan dan negara dalam membentuk minda dan iltizam mereka ke arah melahirkan semangat cintakan agama, raja dan bangsa yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Lawatan juga dihasratkan untuk menanamkan semangat bertanggungjawab dan pemeduliaan terhadap insan-insan istimewa yang seterusnya diharap dapat membangkitkan kesedaran ke arah merangka jenis sumbangan khidmat yang mungkin dapat mereka berikan setelah tamat pengajian dan kembali ke tanah air.

Melalui lawatan ini, para peserta juga berpeluang berkomunikasi dengan kakitangan dan juga sukarelawan di pusat ini selain mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara insan-insan yang berkeperluan, penjaga, guru-guru,

ahli-ahli sukarelawan dan mereka yang turut sama memberikan sokongan terhadap Pusat Ehsan sepanjang ianya ditubuhkan.

Juga hadir ialah Pegawai Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti PDNDR Pengiran Haji Abd. Momin.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan pendidikan dan kebajikan bukan kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan yang bersedia memberi didikan, latihan, pemeduliaan dan perkhidmatan pemulihan anggota badan kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Ketika ini seramai 121 orang kanak-kanak istimewa yang berdaftar di pusat ini mengikuti program-program pembelajaran, latihan dan pemulihan.

Pusat Ehsan sangat mengalu-alukan lawatan orang ramai kerana ianya dapat mendedahkan kanak-kanak istimewa berhadapan dengan para pelawat bagi meningkatkan tahap pergaulan mereka.



PARA mahasiswa sedang menyaksikan hasil-hasil yang terdapat di Pusat Ehsan dan melihat secara dekat kerja-kerja penghuni pusat berkenaan.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) Sendirian Berhad, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali dan Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong bergambar ramai dengan para mahasiswa Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut Tahun 2010 sejurus selepas mengadakan lawatan ke BSP.

Puasa kewajiban umat Islam

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, kerana atas limpah kurnia-Nya jua telah memberikan umur yang panjang dan kesihatan kepada kita, sehingga dengannya kita berpeluang untuk bertemu lagi dengan bulan Ramadan. Bulan Ramadan adalah bulan yang mulia dan sangat dinantikan oleh seluruh umat Islam yang beriman dan bertaqwa. Dalam bulan ini Al-Qur'an telah diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk bagi umat manusia. Di bulan ini juga kita dituntut untuk melaksanakan Rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa. Perkara ini disebutkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 185, tafsir-Nya:

"Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada bulan Ramadan yang diturunkannya padanya Al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan salah. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa."

Sesungguhnya dalam bulan Ramadan ini telah berlaku banyak peristiwa bersejarah di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya ialah berlakunya Perang Badar pada Tahun Kedua Hijrah iaitu peperangan di antara tentera Muslimin menentang kaum Musyrikin. Dalam peperangan itu tentera Muslimin telah dapat mengalahkan kaum Musyrikin.

Dalam bulan ini juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama umat Islam telah Berjaya menakluki Kota Suci Mekah dari kaum Musyrikin sehingga dapat mengubah akidah jahiliah yang sesat kepada akidah Islam yang benar.

Perlu kita ketahui, bulan Ramadan adalah lebih istimewa berbanding bulan-bulan yang lain kerana di bulan ini Allah Subhanahu Wata'ala memberikan rahmat dan pengampunan kepada hamba-Nya dan di bulan ini juga segala pintu-pintu Syurga terbuka luas, manakala pintu-pintu Neraka tertutup rapat dan semua syaitan dibelenggu, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Ketika bulan Ramadan tiba, maka semua pintu Syurga dibuka, kesemua pintu Neraka akan tertutup, semua syaitan akan dibelenggu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kesempurnaan seseorang Islam itu berdasarkan atas ketaatannya dalam melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan, di samping ibadah-ibadah fardu yang lain. Ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadis, maksudnya:


"Abdillah bin Umar berkata: Sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Agama Islam dibangunkan di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Mendirikan Sembahyang, Berpuasa di bulan Ramadan, Mengeluarkan Zakat dan Menunaikan Ibadah Haji ke Baitullah bagi orang yang mampu mengerjakannya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya semua perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang disyariatkan pasti ada manfaat dan tujuannya. Begitulah jua dengan puasa Ramadan yang akan kita jalani, pasti mengandungi manfaat dan tujuannya yang tersendiri. Adapun kelebihan berpuasa itu amat besar dan banyak, antaranya ialah: Puasa merupakan ibadah yang mampu menundukkan jiwa yang sering dikuasai oleh hawa nafsu. Puasa bukan hanya sekadar menahan diri dari makan dan minum dan bersetubuh di siang hari, tetapi juga menahan diri dari nafsu-nafsu pancaindera, anggota badan yang lain dan juga hati. Selain itu puasa adalah antara cara untuk mencapai darjat taqwa iaitu takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta Takarrub iaitu mendekatkan diri kepada Allah subhanahu Wata'ala dengan amalan yang mulia.

Ibadah Puasa di bulan Ramadan ini turut memberikan sumbangan terbesar dalam membantu mengatasi masalah merokok di negara ini. Perokok sering kali memikirkan cara yang terbaik untuk berhenti merokok walaupun telah mencubanya beberapa kali. Inilah masanya yang sesuai bagi seseorang untuk berhenti merokok. Suasana harian berubah pada bulan Ramadan. Suasana di tempat kerja, di pejabat, di rumah pada waktu siang berbeza jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain kerana tiada lagi suasana di mana perokok sering merokok seperti selepas sarapan dan makan tengah hari. Maka di bulan inilah peluang dan keadaan yang sesuai untuk berhenti merokok.

Selain itu amalan-amalan yang mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala di bulan yang mulia ini juga berkesan mengatasi masalah merokok itu seperti amalan memperbanyakkan doa, zikir, melakukan solat-solat fardu dan sunat, berselawat, bertaubat, bertadarus Al-Qur'an dan sebagainya. Dengan yang demikian, perokok bukan sahaja dapat menghilangkan tabiat merokok malah juga mendapat pahala berpuasa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala



daripada Allah, akan diampunkan dosanya yang terdahulu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Mudah-mudahan dengan menghayati tujuan dan kelebihan puasa Ramadan ini kita dapat lebih memahami erti Ramadan dan ibadah puasa yang sebenarnya. Sama-samalah kita berdoa semoga kita dapat menjalani ibadah puasa nanti dengan lebih sabar dan penuh keikhlasan dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala menerima ibadah puasa kita dan segala amalan yang kita kerjakan di bulan Ramadan yang Mubarak ini dengan sempurna. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 183, tafsir-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa."

"MASA yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada bulan Ramadan yang diturunkannya padanya Al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan salah. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa."

- Surah Al Baqarah ayat 185.

وقت سمبھيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باقي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 7 اوغوس 2010 برسامان دغن 26 شعبان 1431 هيفان كهاري جمعة 13 اوغوس 2010 برسامان 3 رمضان 1431 اداله سفرت دباوه اين:-

مسيحي اوغوس	هاري	هجريه شعبان/رمضان	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
7	سبتو	26	4.46	4.56	6.16	6.40	12.28	3.47	6.36	7.48
8	احد	27	4.47	4.57	6.16	6.40	12.28	3.46	6.36	7.48
9	الثين	28	4.47	4.57	6.16	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
10	ثلاث	29	4.47	4.57	6.16	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	رابو	1	4.47	4.57	6.16	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
12	خميس	2	4.47	4.57	6.16	6.40	12.27	3.44	6.35	7.46
13	جمعة	3	4.47	4.57	6.16	6.40	12.27	3.43	6.34	7.46

وقت 2 سمبھيغ باقي داعيره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلايت دتمبه تيف مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نغارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوكول 12.45 نغه هاري



PEMANGKU Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri ketika hadir selaku tetamu kehormat di majlis Khatam Al-Qur'an anjuran Takmir Masjid Kampung Limau Manis berlangsung di masjid kampung berkenaan.

27 peserta dewasa sertai Majlis Khatam Al-Qur'an

Berita dan Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

KAMPUNG LIMAU MANIS, Selasa, 20 Julai. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Limau Manis malam ini mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi 27 peserta dewasa terdiri daripada 17 lelaki dan 10 perempuan bertempat di Masjid Kampung Limau Manis.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Juga hadir Ketua Kampung Limau Manis, Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari,

Ketua Kampung Wasan, Awang Haji Matnor bin Marof, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Limau Manis dan penduduk di kampung berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat.

Sementara itu bacaan takhtim Al-Qur'an dipimpin oleh Imam

"MAJLIS yang baru pertama kali diadakan di kampung itu akan dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan mereka."

- Ketua Kampung
Limau Manis.

Masjid Kampung Limau Manis, Awang Haji Md. Sukry bin Abdullah, manakala doa khatam dibacakan oleh Awang Haji Jali bin Haji Mawang.

Acara diteruskan dengan Dikir Marhaban oleh belia-belia masjid dan Muslimah Masjid Kampung Limau Manis sementara bacaan doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid kampung berkenaan, Awang Haji Mohd. Sukry.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Menurut Ketua Kampung Limau Manis, Awang Haji Mohaimin, majlis yang baru pertama kali diadakan di kampung itu akan dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan mereka.

Seramai 116 pemohon terpilih mengikuti RPN

**Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Selasa, 3 Ogos. - Seramai 116 pemohon yang telah berjaya mengikuti Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lumut/Sungai Liang telah menghadiri Majlis Pengundian bagi menentukan lot rumah masing-masing.

Dari jumlah tersebut seramai 25 pemohon menerima rumah jenis *Deluxe* berharga BND89 ribu yang berkeluasan 159.16 meter persegi manakala 91 pemohon menerima rumah jenis *Standard* bernilai BND83 ribu yang berkeluasan 138.28 meter persegi.

Sejauh ini, sejumlah 333 buah rumah dan lot tanah sudahpun diserahkan kepada pemohon-pe-

mohon yang berjaya dan pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) sedang melaksanakan pembinaan sebanyak 1,494 unit rumah di kawasan RPN Kampung Lumut/Sungai Liang yang dijangka siap sehingga tahun 2012.

Hadir menyaksikan majlis yang diadakan di Dewan Bandaran itu, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga menyampaikan ucapan antara lain mengucapkan tahniah kepada pemohon yang berjaya dan menyasarkan mereka supaya sentiasa mematuhi segala syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di bawah skim perumahan berkenaan.

Antara syarat dan peraturan itu termasuk memelihara rumah dan alam sekitar serta menjaga hu-

bungan baik sesama jiran. Selain itu juga tidak kurang yang lebih penting adalah melaksanakan tanggungjawab menjelaskan pembayaran rumah kerana ia adalah untuk membina rumah yang mendatang bagi penduduk yang memohon perumahan di bawah skim tersebut di negara ini, jelasnya.

Dato Paduka menyatakan dengan bantuan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian Pembangunan akan membina rumah di bawah Skim RPN di seluruh negara seperti di Daerah Brunei dan Muara sebanyak 4,000 buah rumah dan Daerah Belait sebanyak 2,000 buah semata-mata bagi mengurangkan isu senarai menunggu begitu lama.

Dalam jangka masa empat tahun akan datang sehingga 2012 di bawah

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012, JKP berharap akan dapat menghasilkan sebanyak kira-kira 7,076 buah rumah.

Manakala kira-kira 17,500 buah rumah akan siap dibina sehingga tahun 2014. Mengikuti program pelaksanaan projek-projek perumahan yang diendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui JKP dan Jabatan Kerajaan Raya (JKR), lebih 10,000 buah rumah sedang dan akan dibina dan dijangka siap sehingga tahun 2012 dan 2014.

Untuk menyediakan keperluan perumahan negara bagi kesejahteraan rakyat negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah BND1.2 bilion bagi RKN 2007-2012 khusus bagi pelaksanaan projek-projek RPN. Jumlah tersebut termasuk lebih BND438 juta di bawah RKN kelapan yang ditunda ke RKN 2007-2012.

Pegawai Kemajuan Perumahan Kanan Daerah Belait, Awang Omar Dany bin Haji Timbang memberitahu kepada para media mengenai pemohon yang berjaya mengikuti skim tersebut tetapi mereka dikenakan membayar wang pendahuluan (*top-up*) adalah berdasarkan kepada pendapatan gaji bulanan suami isteri BND1,500 ke bawah (jumlah pendapatan gaji sebulan suami isteri yang telah disatukan).

Pemohon katanya, di-



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

kenakan membayar wang pendahuluan tersebut bagi menghindarkan dari bayaran tunggakan dan meringankan beban mereka membayar setiap bulan.

Pemohon yang tidak berkemampuan membayar wang pendahuluan tersebut tambahnya, nama mereka akan disenaraikan me-

nunggu rumah teres atau *semi detach* yang bersesuaian dengan gaji mereka.

Adapun tempoh pembayaran rumah jenis *deluxe* dan *standard* itu maksimum 25 tahun dan minimum 15 tahun bergantung kepada jangka perkhidmatan pemohon.

Daerah Tutong adakan Pesta Perayaan Rakyat 2010

**Berita dan Foto :
Aryenty Haji Ariffin**

TUTONG, Ahad, 1 Ogos. - Rakyat dan Penduduk Mukim Pekan Tutong telah mengadakan Pesta Perayaan Rakyat 2010 bertujuan bagi memberi peluang kepada orang ramai khususnya penglibatan mereka di peringkat mukim dan kampung dalam sama-sama meraikan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun berlangsung di Pantai Seri Kenangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Roslan bin Haji Tajaah dan isteri.

Sokongan padu dari rakyat dan penduduk dalam pesta tersebut telah berjaya membentuk acara-acara yang bersesuaian yang melibatkan semua la-

pisan masyarakat termasuk acara tradisi iaitu sebanyak sembilan acara diadakan di sepanjang pesta sehari itu berjalan.

Antara acaranya ialah Peraduan Melukis, Perlawanan Bolasepak Pantai, Memancing Botol dan Buang Peluru. Acara Sukan Ria tersebut diendalikan oleh setiap kampung di bawah Mukim Pekan Tutong mengikut jenis-jenis sukan yang disenaraikan.

Dengan adanya acara seumpama ini, perpaduan dan kerjasama masyarakat umum dapat dilihat dalam menjayakan acara-acara sukan tersebut yang sudah semestinya akan mewujudkan keharmonian, keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Juga hadir memeriahkan acara ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong dan isteri, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, isteri penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Pekan Tutong, ketua pegawai penerangan Tutong serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Roslan ketika merasmikan Pelancaran Pesta Perayaan Rakyat 2010 Peringkat Daerah Tutong bertempat di Pantai Seri Kenangan.

Pertandingan kraf tangan, masakan dapat sambutan menggalakkan

**Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Ahad, 1 Ogos. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64, Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Belait sekali lagi pada tahun ini menganjurkan pertandingan dan peraduan kraf tangan, seni gubahan dan masakan wanita.

Hampir 60 peserta menyertai peraduan yang menampilkan 36 jenis dibahagikan kepada empat kategori: Bahagian gubahan, sulaman, anyaman dan jahitan serta bahagian masakan, lauk-pauk dan kuih-muih yang diadakan di Dewan Bandaran.

Pengerusi Majlis, Dayang Fatimah Tanji ketika ditemui berkata pada tahun ini pihaknya menampilkan semula pertandingan kek ai-

sing, mengubah topi dan membuat baju masak (apron) atas permintaan yang banyak dari kaum wanita.

Seramai 16 hakim diundang bagi menghakamkan pertandingan tersebut yang dinilai dari beberapa segi seperti rasa, kreativiti, bahan yang digunakan, hiasan, resepi lama dan resepi baru.

Menurut Dayang Fatimah salah satu usaha menyemarakkan lagi suasana perayaan dan hanya terbuka kepada kaum wanita di daerah ini sahaja.

Beliau menambah, acara tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dan sangat dinantikan setiap tahun.

Katanya pertandingan seumpama itu akan membuka jalan dan peluang kepada kaum wanita untuk menyertainya dengan pilihan jenis

yang mereka minati sesuai dengan kemahiran masing-masing.

Beliau berharap pameran tersebut akan dapat diteruskan setiap tahun supaya kaum wanita sama ada sendirian, persatuan, mukim dan kampung berpeluang menyumbangkan kemahiran mereka kepada masyarakat dalam bidang masak-memasak, kuih muih, gubahan bunga dan sebagainya.

Dengan bimbingan kelas urusan rumah tangga yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan atau melalui kaca televisyen, radio, majalah atau bengkel dan kursus yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu katanya, banyak membantu kaum wanita menimba ilmu dan dapat dipamerkan melalui acara seumpama itu.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat, isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Siah binti Haji Kassim.

KITM adakan mesyuarat agung ketiga

**Oleh : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Ogos. - Koperasi Ikatan Teluk Mewah (KITM) Sdn. Bhd. mengadakan mesyuarat agungnya yang ketiga berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli KITM itu dipengerusikan oleh Awang Haji Umar bin Muhammad.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuk meneliti dan mensahkan minit mesyuarat agung yang lalu, di samping perkara-perkara berbangkit dari minit mesyuarat yang lepas.

Mesyuarat tersebut juga mengemukakan laporan dari Bendahari dan Setiausaha Agung KITM ter-



UCAPAN alu-aluan dari Pengerusi Ikatan Teluk Merah (ITM) Bhd., Haji Umar bin Muhammad semasa Mesyuarat Agung Koperasi Ikatan Teluk Merah Bhd. Ke-3, berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah Negara Brunei Darussalam. - Foto : Ramli Tengah.

masuk laporan mengenai audit pendaftar koperasi-koperasi bagi tahun-tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009.

Selain dari itu, mesyuarat juga membubarkan ahli-ahli lembaga penga-

rah yang lepas dan melantik ahli lembaga pengarah dan juruaudit yang baru.

KITM Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada 10 Ogos 2005 itu kini mempunyai seramai 455 pemegang saham.

Sekolah Rendah Selangan menjuarai Program Amazing Race Science

**Berita dan Foto :
Nurhidayah Haji Kamis**

nologi dan Alam Sekitar bertempat di Dewan SRSH Bangar.

Ia bertujuan bagi menanam minat para pelajar, di samping untuk mengembangkan kemahiran pelajar dalam mata pelajaran Sains serta kemahiran berkomunikasi atau kerja berpasukan dan juga semangat kerjasama para pelajar sekolah-sekolah rendah di daerah ini khususnya.

Pemangku Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong, Awang Ismail bin Haji Tia dalam ucapannya berkata dengan adanya program seumpama ini akan dapat berjalan dengan lebih giat dan berkembang terhadap proses pengajaran dan pembelajaran para pelajar yang tidak semestinya berlangsung di dalam bilik-bilik darjah sahaja.

Para pelajar katanya, perlulah mempunyai semangat, kesunggu-

han untuk menghadapi dan mencuba menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi kerana dengan mempunyai sikap demikian para pelajar akan mempunyai azam yang tinggi bergantung kepada bagaimana para pelajar itu untuk mengambil peluang pembelajaran yang diberikan kepada mereka.

Antara bidang yang dapat diketahui mempunyai kebaikan dalam pelajaran, tambahnya, ialah melalui kemahiran yang diberikan kepada para pelajar itu sendiri dan pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan berbagai program yang dapat membantu para pelajar meningkatkan kemahiran seperti pertandingan berbahas, pidato dan seumpamanya.

Sekolah Rendah Selangan muncul juara menerusi program tersebut, manakala Sekolah Rendah Amo menjadi naib johan dan tempat ketiga pula jatuh kepada SRSH.

Hadiah telah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Kanan.



PEMANGKU Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong, Awang Ismail bin Haji Tia semasa menyampaikan ucapan.

TEMBURONG, Selasa, 3 Ogos. - Sebanyak 11 buah sekolah-sekolah rendah di daerah ini telah menyertai Program Peningkatan Pencapaian Sains (PPPS) Sekolah Rendah 2010 melalui Program *Amazing Race Science*, yang diendalikan Sekolah Rendah Sultan Hassan (SRSH) Bangar anjuran Pusat Kerjasama Sains, Tek-



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/BPP/073/2010**

**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND INSTALLATION OF STREET
AND COMPOUND LIGHTING FOR
JABATAN PERDANA MENTERI
BLOCK2D JALAN ONG SUM PING,
DAERAH BRUNEI MUARA.**

**Tarikh Tutup : 24 Ogos 2010, hari Selasa,
jam 2.00 petang.**

Yuran Tawaran : **\$10.00** (tidak dikembalikan)

**Tempat tutup :
"TENDER BOX"**

**Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri,**

**Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,
Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.**

KELAYAKAN : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 7(a), 7(b) dalam kelas III, IV ATAU V SAHAJA, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Dokumen-dokumen sebut harga dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Lantai Bawah Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian :- Sila bawa salinan *Business Names Enactment*, 1958-Section 16 & 17 dan sijil pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III, IV & V DI BAWAH
KATEGORI 3 SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen
Tawaran : Hari Selasa, 10 Ogos 2010.

**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 24 Ogos 2010,
jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DDGKB 024/2010**

Tajuk Projek :

**MENGGANTI SISTEM ROTA TING
BIOLOGICAL CONTRACTOR (RBC)
DI LOJI KUMBAHAN LOS TANJONG,
KUALA BELAIT**

Nombor Projek : **2010ADKB/K26050-04**

Yuran Tawaran : **\$100.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS II, III & IV SAHAJA
KATEGORI 3, 4g SAHAJA**

Hingga jam 2.30 petang, hari Selasa,
17 Ogos 2010.

Tarikh Tutup : 7 September 2010.

Bilangan Tawaran :

JKR/DWS/020/2010

Tajuk Projek :

**KONTREK PENGGAL BAGI KERJA
PEMELIHARAAN KE ATAS PAM
BOOSTER DOMESTIK DI BANGUNAN
KERAJAAN**

Yuran Tawaran : **\$50.00** (tidak dikembalikan)

Jumlah Yuran Tawaran : **\$50.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III & IV SAHAJA
KATEGORI: 4H/ (S03) SAHAJA.**

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Julai 2010.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat dari jam 2.30 petang, hari Selasa,
10 Ogos 2010.

**Tarikh Tutup: Tidak lewat dari jam 2.00
petang, hari Selasa, 24 Ogos 2010.**

Bilangan Tawaran :

JKR/DOR/SRM 39/2010

Tajuk Projek :

**MENYAPU DAN MEMBERSIHKAN
JALAN RAYA DI KAWASAN
PEMELIHARAAN ZON 1 DAN 2
DI DAERAH BRUNEI-MUARA
MENGUNAKAN MESIN DAN MANUAL
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jumlah Yuran Tawaran : **\$50.00**
(tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III & IV SAHAJA
KATEGORI: S03 SAHAJA.**

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Julai 2010.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat dari jam 2.30 petang, hari Selasa,
10 Ogos 2010.

**Tarikh Tutup: Tidak lewat dari jam 2.00
petang, hari Selasa, 24 Ogos 2010.**

Bilangan Tawaran :

JKR/DOR/SRM 40/2010

Tajuk Projek :

**MEMOTONG RUMPUT SEPANJANG
ZON 2 BERAKAS DI DAERAH
BRUNEI-MUARA
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Jumlah Yuran Tawaran : **\$50.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III & IV SAHAJA
KATEGORI: S03 SAHAJA.**

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Julai 2010.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat dari jam 2.30 petang, hari Selasa,
10 Ogos 2010.

**Tarikh Tutup: Tidak lewat dari jam 2.00
petang, hari Selasa, 24 Ogos 2010.**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DOR/SRM 41/2010**

Tajuk Projek :

**MENCABUT RUMPUT DI SEPANJANG
TEMPAT PEJALAN - KAKI DAN DI TEPI
KONKRIT KERB DI KAWASAN ZON 1
MUARA DAN ZON 2 BERAKAS
DI DAERAH BRUNEI-MUARA BAGI
TEMPOH DUA (2) TAHUN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Jumlah Yuran Tawaran : **\$50.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS II, III, IV, V, VI DI BAWAH
KATEGORI P01 SAHAJA SEBAGAI EJEN
PENJUAL KENDERAAN BERMOTOR
BARU.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Hari Selasa, 10 Ogos 2010.

**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 24 Ogos 2010
(Selasa), hingga jam 2.00 petang .**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DM/28/SME/2010**

Tajuk Projek :

**MEMBEKAL EMPAT (4)
PICKUP 14 KAKI PANJANG**

Nombor Projek: **JKR/DME/SME/2010**

Jumlah Yuran tawaran: **\$30.00**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS II, III, IV, V, VI DI BAWAH
KATEGORI P01 SAHAJA SEBAGAI
MEMBEKAL/ EJEN PENJUAL/ PEMBUAT
PERAHU.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Hari Selasa, 10 Ogos 2010. (Selasa)

**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 24 Ogos 2010
(Selasa), hingga jam 2.00 petang .**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DM/27/SME/2010**

Tajuk Projek :

**MEMBEKAL DUA (2)BUAH PERAHU
18 PENUMPANG**

Nombor Projek: **JKR/DME/SME2/2010**

Jumlah Yuran tawaran: **\$10.00**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ..")) boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP)

TABUNG Amanah Pekerja akan mengadakan Jualan Lelong Secara Sebut Harga bagi 179 unit peralatan komputer dan perabot. Orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang Jualan Lelong secara sebut harga di alamat :

Jabatan Pentadbiran

Tabung Amanah Pekerja

Tower Block, Level 4,

**Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Tawaran : Hari Sabtu 21 Ogos 2010,
jam 12.00 tengah hari**

Keterangan Barang-barang

1. CPU - 24 unit
 2. Printer - 6 unit
 3. Monitor - 14 unit
 4. Mesin Scanner - 2 unit
 5. Overhead Projector - 2 unit
 6. CD-Rom Drive - 1 unit
 7. Keyboard - 16 unit
 8. Visitor Chair - 25
 9. Conference Chair (Medium Back Chair) - 38 unit
 10. Clerical Chair - 17 unit
 11. Folding Chair - 12 unit
 12. Table - 5 unit
 13. Drawer Cabinet - 14 unit
 14. Steel Cabinet - 3 unit
- Orang ramai bolehlah melihat barang lelongan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

**Tarikh : 9 Ogos 2010 hingga 19 Ogos 2010
(hari-hari bekerja sahaja).**

Masa : 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari

Tempat :

STOR TABUNG AMANAH PEKERJA

Unit 7-12, Cloak E4,

Flat Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Untuk mendapatkan keterangan lebih lanjut, sila hubungi Jabatan Pentadbiran di talian 2382929 sambungan 753.

Syarat-syarat :-

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.
2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi Jabatan Pentadbiran di talian 2382929 sambungan 753 atau di alamat Tower Block, Level 4, Bangunan Kementerian Kewangan Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan semasa waktu pejabat.
3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.
4. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.
5. Kesemua tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi menggunakan borang yang diberikan secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga Tabung Amanah Pekerja tidak lewat pada hari Sabtu 21 Ogos 2010, jam 12.00 tengah hari dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (*sealed*) dan bertulis dengan terang dan ditunjukkan kepada :

**'Sebut Harga Lelong bagi Peralatan
Komputer dan Perabot'
Tabung Amanah Pekerja**

**Tower Block, level 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

6. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari tarikh perolehan dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembeli itu dibatalkan dan pembayaran yang dibuat itu tidak akan dikembalikan dan barang tersebut dirampas dan dilelong semula.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

8. Tenderers shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kerja Raya under Class III or above. Tenderers shall produce proof of registration with JKR for the said category of works. (JPt/TAW/25/2010-2011).

9. Tenderers shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kerja Raya under Class II, or above, eligible for carrying out works under 1- Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam (Civil Engineering Works), 4d- Parit (Drainage) and 5b-Kerja-kerja Tanah (Earthworks). Tenderers shall produce proof of registration with the JKR for the said category of works (JPt/TAW/26/2010-2011).

- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
- Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari Sabtu 24 Julai 2010. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn
 2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.**
 3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa pada 24 Ogos 2010. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 4. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun,
- Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
- Waktu Menerima Bayaran
**Isnin - Khamis
8.00 Pagi - 11.00 Pagi
2.00 Petang - 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi - 10.00 Pagi**
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
 6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)
 7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN BIASA

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP TIDAK LEWAT 2.00 PETANG
KK/10/2010 (HTD) (SE)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING PRIVATE AUTOMATED BRANCHE EXCHANGE (PABX) FOR SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT	\$50.00	24/8/2010
KK/41/2010 (ESTET)(TC)	THE PROVISION OF CLEANING SERVICE FOR THE MINISTRY OF HEALTH, JALAN MENTERI BESAR FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS Kelayakan pembekal/Pemborong:- Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan	\$50.00	24/8/2010



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan bagi : **REPAIR WORKS TO TOILETS AND SHOWER FACILITIES AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
Bilangan Sebut harga : **APM.2010/SH-34**
 2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar menggunakan sampul surat yang tertutup di tulis dengan **tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan:**
SEBUT HARGA BAGI - REPAIR WORKS TO TOILETS AND SHOWER FACILITIES AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
Bilangan Sebut harga : **APM.2010/SH-34**
Tarikh Tutup : 25 Ogos 2010
Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Penerbangan Awam
d/a. Bangunan Terminal, Tingkat 2,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Perhubungan, BB2513,
Negara Brunei Darussalam.**
 3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang beralamat diatas **tidak lewat jam 10.00 pagi, hari Rabu 25 Ogos 2010.** Sebut harga -sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 4. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada **hari Khamis, 19 Ogos 2010, jam 10.30 pagi.** Semua wakil syarikat diminta berkumpul di Pejabat Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang,
- Tingkat 2, Jabatan Penerbangan Awam pada tarikh dan waktu yang ditetapkan. **Tarikh akhir** mengambil dokumen pada **18 Ogos 2010, jam 11.00 pagi.**
5. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja dan waktu pejabat (bulan puasa) **Isnin hingga Khamis dan Sabtu : jam 8.00 hingga 11.00 pagi dengan bayaran sebanyak B\$10.00 tidak akan dikembalikan.**
 6. Kelayakan : pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 4(a) dalam kelas I dan II.
 7. Penerangan-Penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakasa, Brunei Darussalam melalui telefon 2330142 atau 2332337 sambungan 1484. 1483, 1353 atau melalui, fax : 2331772.
 8. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta dengan salinan Kad pengenalan atau Pasport pemilik.
 9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**KETERANGAN SEBUT HARGA
JPD/3.6/1
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG PERALATAN-PERALATAN
PENGUATKUASAAN**

1. **DI BUKAKAN** kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang sebut harga boleh di perolehi di **Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah di kembalikan ke alamat:-
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Pengangkutan Darat,
Jalan Gadong, BE 1110,
Negara Brunei Darussalam.**
4. Borang sebut harga hendaklah di kembalikan tidak lewat **31 Ogos 2010, jam 2.00 petang.**
5. Borang sebut harga hendaklah di simpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah di tulis **JPD/3.6/1 MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERALATAN-PERALATAN PENGUATKUASAAN.**
6. Sijil pendaftaran perniagaan yang sah (16 & 17) hendaklah disertakan bersama.

**KETERANGAN SEBUT HARGA
JPD/3.6/1
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG (Commissioning)
PENGUBAHAN PAPAN TANDA PUSAT
PEMERIKSAAN KERETA,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
JALAN GADONG.**

1. Di bukakan kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang sebut harga boleh di perolehi di **Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah di kembalikan ke alamat:-
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pengangkutan Darat,
Jalan Gadong, BE 1110,
Negara Brunei Darussalam.**
4. Borang sebut harga hendaklah di kembalikan tidak lewat **31 Ogos 2010, jam 2.00 petang.**
5. Borang sebut harga hendaklah di simpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah di tulis **JPD/3.6/1 MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG (Commissioning) HAWA DINGIN.**
6. Sijil pendaftaran perniagaan yang sah (16 & 17) hendaklah disertakan bersama.

**KETERANGAN SEBUT HARGA
JPD/3.6/1
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG (Commissioning)
CONFERENCE SYSTEM
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
CAWANGAN KOMPLEK UJIAN DAN
LATIHAN MEMANDU KG SG AKAR.**

1. **Di bukakan** kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang sebut harga boleh di perolehi di **Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang yang telah diisikan dengan lengkap

hendaklah di kembalikan ke alamat:-
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Pengangkutan Darat,
Jalan Gadong, BE 1110,
Negara Brunei Darussalam.**

4. Borang sebut harga hendaklah di kembalikan tidak lewat **31 Ogos 2010, jam 2.00 petang.**
5. Borang Sebut harga hendaklah di simpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah di tulis **JPD/3.6/1 MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG (Commissioning) CONFERENCE SYSTEM JABATAN PENGANGKUTAN DARAT CAWANGAN KOMPLEKS UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU KG SG AKAR.**
6. Sijil pendaftaran perniagaan yang sah (16 & 17) hendaklah disertakan bersama.

**KETERANGAN SEBUT HARGA
JPD/3.6/1
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG (Commissioning)
HAWA DINGIN.**

1. Di bukakan kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang sah berdaftar di negara Brunei Darussalam.
2. Borang sebut harga boleh di perolehi di **Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang yang telah di isikan dengan lengkap hendaklah di kembalikan ke alamat:-
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pengangkutan Darat
Jalan Gadong, BE 1110,
Negara Brunei Darussalam.**
4. Borang sebut harga hendaklah di kembalikan tidak lewat 24 Ogos 2010, jam 2.00 petang.
5. Borang sebut harga hendaklah di simpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah di tulis **JPD/3.6/1 MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG (Commissioning) HAWA DINGIN.**
6. Sijil pendaftaran perniagaan yang sah (16 & 17) hendaklah disertakan bersama.

**KETERANGAN SEBUT HARGA
JPD/3.6/1
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG (Commissioning) DINDING
ANGIN MEJA DAN KERUSI.**

1. Di bukakan kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang sebut harga boleh di perolehi di **Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.**
3. Borang yang telah di isikan dengan lengkap hendaklah di kembalikan ke alamat:-
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pengangkutan Darat,
Jalan Gadong, BE 1110,
Negara Brunei Darussalam.**
4. Borang sebut harga hendaklah di kembalikan **tidak lewat 24 Ogos 2010, jam 2.00 petang.**
5. Borang Sebut harga hendaklah di simpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah di tulis **JPD/3.6/1 MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG (Commissioning) DINDING ANGIN MEJA DAN KERUSI.**
6. Sijil pendaftaran perniagaan yang sah (16 & 17) hendaklah disertakan bersama.


JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Penendar adalah di kehendaki membayar semua **Yuran/Dokumen Tawaran** seperti yang di iklankan. Yuran/Dokumen Tawaran adalah dikehendaki dan **tidak akan dikembalikan** kepada setiap pender/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bone-fide tender*). Kadar bayaran Yuran/Dokumen/Tawaran untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:
4. - \$10.00 bagi MOE/LTK/111/2010/2011 (DA(BPPSA)-OGOS-2010) HINGGA MOE/LTK/115/2010/2011 (DA(BPPSA)-OGOS-2010)

- \$35.00 bagi MOE/LTK/116/2010/2011 (ICT-OGOS-2010)

- \$55.00 bagi MOE/LTK/117/2010/2011 (ICT-OGOS-2010)

Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai, di Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'B', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit bayaran di terima bagi setiap bayaran yang dibuat.

ISNIN - KHAMIS: 8.00 - 11.45 pagi
2.00 - 3.00 petang
SABTU: 8.00 - 10.00 pagi

5. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
6. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam setelah membuat pembayaran dengan menyertakan resit bayaran yang sudah dibuat.

7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk sepertimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada :-

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bangunan Kementerian Pendidikan
Blok 'A' Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A',
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan. BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tidak lewat pada hari Selasa, 17 Ogos 2010,
jam 2.00 petang bagi

MOE/LTK/111/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)
hingga
MOE/LTK/116/2010/2011
(ICT-OGOS-2010)

Tidak lewat pada hari Selasa, 31 Ogos 2010,
jam 2.00 petang bagi

MOE/LTK/117/2010/2011
(ICT-OGOS-2010)

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan dikira sebagai tawaran tidak sah diterima.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
11. Pender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/111/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN
BAGI SEKOLAH MENENGAH
SAYYIDINA HUSAIN, JALAN
JERUDONG, DAERAH BRUNEI MUARA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.
(KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A')
BAYARAN YURAN/ DOKUMEN

TAWARAN : \$10.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN
MOE/LTK/112/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN
BAGI SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
MATA-MATA GADONG, BRUNEI
III, DAERAH BRUNEI MUARA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. BAGI
TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$10.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/113/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN
BAGI SEKOLAH RENDAH KERIAM,
TUTONG I, DAERAH TUTONG,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$10.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/114/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN
BAGI SEKOLAH RENDAH HAJI
MOHAMMAD JAAFAR MAUN,
KAMPUNG KIULAP, JALAN PENGIRAN
MUDA AL-MUHTADEE BILLAH,
BRUNEI III, DAERAH BRUNEI MUARA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$10.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH

BAHAGIAN ASRAMA KERING
(DAERAH TUTONG)

KOD BLOK : AK/05

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/115/2010/2011
(DA(BPPSA)-OGOS-2010)

TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAMAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN ASRAMA KERING,
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
KEPERLUAN-KEPERLUAN
PERMAKAMAN DAN MINUMAN
DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN BAGI
SEKOLAH MENENGAH SUFRI
BOLKIAH, BUKIT BENDERA, TUTONG,
DAERAH TUTONG, JABATAN
PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
UNTUK TAHUN KEWANGAN 2010/2011,
2011/2012, 2012/2013 DAN 2013/2014.
(BAGI KOD BLOK : AK/05)

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$10.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CONFIGURATION,
TESTING, COMMISSIONING AND
WARRANTY

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/116/2010/2011
(ICT-OGOS-2010)

THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CONFIGURATION,
TESTING, COMMISSIONING AND
WARRANTY OF THE HARDWARE
AND SOFTWARE FOR THE
COLLABORATIVE IN-SERVICE
TEACHER DEVELOPMENT PROJECT
(COINSET), MINISTRY OF EDUCATION,
BRUNEI DARUSSALAM."

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$35.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING,
COMMISSIONING AND
MAINTENANCE

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/117/2010/2011
(ICT-OGOS-2010)

THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING,
COMMISSIONING AND MAINTENANCE
OF THE HARDWARE, SOFTWARE AND
RELATED SERVICES FOR THE
IMPLEMENTATION FOR MOE
NETWORK INFRASTRUCTURE PHASE I.

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
TAWARAN : \$55.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)


KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari Sabtu, 24 Julai 2010. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan di alamatkan kepada :-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah di hantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 17 Ogos 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian

Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran:
ISNIN - KHAMIS
8.00 - 11.00 pagi
2.00 - 3.00 petang
SABTU
8.00 - 10.00 pagi

BULAN RAMADAN (Puasa)
ISNIN-KHMAIS
8.30 - 11.00 pagi
SABTU
8.30 - 10.30 pagi

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:-
Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong /Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah '*Poison Act*' (Cap. 114)
Pender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

BIL TAWARAN:
KK/42/2010(ESTET)(TC)

THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN

Kelayakan Pembekal/Pemborong:-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : V dan ke atas Kategori: 1(KA01), 2(B01) dan 4a(B01)

BIL TAWARAN:
KK/43/2010(ESTET)(TC)

THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR KOMPLEKS KEMENTERIAN KESIHATAN, PUSAT-PUSAT KESIHATAN, KLINIK-KLINIK KESIHATAN DAN PERUMAHAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KESIHATAN DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Kelayakan Pembekal/Pemborong:-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : V dan ke atas Kategori: 1(KA01), 2(B01) dan 4a(B01)

BIL TAWARAN:
KK/44/2010(ESTET)(TC)

THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR SURI SERI BEGAWAN KUALA BELAIT, PUSAT PUSAT KESIHATAN, KLINIK KLINIK KESIHATAN DAN PERUMAHAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KESIHATAN DI DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelayakan Pembekal/Pemborong:-

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Kelas : IV dan ke atas Kategori: 1(KA01), 2(B01) dan 4a(B01)

BIL TAWARAN:
KK/45/2010(ESTET)(TC)

THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR HOSPITAL PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL MUTADEE BILLAH TUTONG, PUSAT-PUSAT KESIHATAN, KLINIK-KLINIK KESIHATAN DAN PERUMAHAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KESIHATAN DI DAERAH TUTONG

Kelayakan Pembekal/Pemborong:-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : III dan ke atas Kategori: 1(KA01), 2(B01) dan 4a(B01)

BIL TAWARAN:
KK/46/2010(ESTET)(TC)

THREE (3) YEARS MAINTENANCE TERM CONTRACT FOR HOSPITAL PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM TEMBURONG, PUSAT-PUSAT KESIHATAN, KLINIK-KLINIK KESIHATAN DAN PERUMAHAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KESIHATAN DI DAERAH TEMBURONG

Kelayakan Pembekal/Pemborong:-
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Kelas : III dan ke atas Kategori: 1(KA01), 2(B01) dan 4a(B01)

Pemain Bangladesh juara Kejohanan Golf Brunei Open Asian Tour 2010

JERUDONG, Ahad, 1 Ogos. - Pemain golf dari Bangladesh, Siddikur Akhir menjuarai Kejohanan Golf Brunei Open bagi Asian Tour 2010 dengan merebut piala dan wang tunai berjumlah USD47,550 beserta seunit telefon bimbit (*Blackberry bold*).

Beliau mengalahkan lebih 80 pemain dari Asia dengan mencatat pukulan

Oleh : Abdullah Asgar

64, 67, 70 dan 67 di bawah 16 par berjumlah 268 pukulan keseluruhan.

Naib juara pemain Afrika Selatan, Jbe Kruger dengan catatan 66, 68, 68 dan 66 juga di bawah 16 par keseluruhan 268 pukulan membawa pulang wang tunai USD32,550, manakala di tempat

ketiga, pemain dari Filipina, Jovic Pagunsan yang mencatat 70, 64, 71 dan 64 di bawah 15 par dengan keseluruhan 269 pukulan menerima wang tunai USD18,300.

Kejohanan tiga hari yang juga disertai oleh pemain-pemain dari Amerika Syarikat, Eng-

land, Afrika Selatan dan empat pemain bertaraf profesional tempatan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan USD300,000.

Menyampaikan piala kepada juara ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya berlangsung di

Padang Golf, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Manakala hadiah wang tunai pula disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair.

Juara tahun lalu dari Australia, Darren Beck hanya mengisi tempat ke

sepuluh dengan catatan 68, 69, 68 dan 69 di bawah sepuluh par dengan jumlah 274 pukulan.

Kejohanan *Brunei Open Asian Tour* mula diadakan di negara ini sejak tahun 2005 dengan tiga pemain dari Australia masing-masing muncul juara.

Kejohanan tahun ini juga bersempena dengan Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64.

Asian Tour seterusnya akan diadakan di Seri Selangor Golf Club, Kuala Lumpur Malaysia pada 4 hingga 7 Ogos ini menawarkan wang tunai keseluruhan USD300,000 di mana tahun lalu pemain Australia, Rick Kulacz muncul juara.

Pasukan Jabatan Hal Ehwal Masjid Tutong muncul juara Perlawanan Tarik Kalat



KETUA Bahagian Pentadbiran, Awang Haji Idris bin Haji Aji ketika di perkenalkan dengan pasukan tarik kalat yang mara ke peringkat akhir Jabatan Pengajian Islam Tutong dan Jabatan Hal Ehwal Masjid. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Ogos. - Pasukan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) Daerah Tutong muncul juara di Perlawanan Tarik Kalat yang berlangsung di Padang Sukan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkihah, Jalan Tutong, Kilometer 2, di sini.

Naib juara dimenangi oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI) Tutong, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kawasan Brunei IV.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan perlawanan berkenaan ialah Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Idris bin Haji Aji.

Tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam perlawanan tersebut.

Sebanyak enam pasukan bertanding dalam perlawanan tersebut yang terdiri dari JPI Pusat, Brunei II, Brunei III, Brunei

IV, JPI Tutong dan pasukan jemputan dari JHEM Tutong.

Perlawanan itu bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan JPI.

Di samping itu ia juga bertujuan bagi menggalakkan para pegawai, guru-guru dan kakitangan JPI untuk bergiat cergas dalam aktiviti-aktiviti sukan dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Acara seumpamanya merupakan aktiviti tahunan jabatan berkenaan.

Sekolah Sukan adakan Majlis Perjumpaan Ibu Bapa

PULAIE, Sabtu, 24 Julai. - Sekolah Sukan mengadakan Majlis Perjumpaan Ibu Bapa dengan guru-guru serta jurulatih dalam usaha meningkatkan maklumat dan prestasi pembelajaran para pelajar.

Perjumpaan tersebut telah diadakan di Bilik Perpustakaan, Sekolah Sukan di sini dengan harapan dapat berkongsi matlamat serta pengetahuan untuk meningkatkan prestasi akademik para pelajar selepas menduduki peperiksaan.

Ketika ini sebanyak sembilan buah kelas dengan keramaian 108 orang pelajar meneruskan pembelajaran di sini yang menduduki Tingkatan Satu hingga Lima dengan tawaran-tawaran sukan seperti bola sepak, sepak takraw, badminton, olah raga dan pencak silat.

Sekolah yang beroperasi pada penghujung April lalu berupaya menampung 500 pelajar dengan dilengkapi kemudahan-kemudahan seperti bilik darjah, bilik vokasional dan teknikal, makmal sains, bilik komputer dan sebagainya.

Misi sekolah ini adalah untuk melahirkan para pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik, sukan, kemasya-

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

rakatan, beriman dan mempunyai bakat kepimpinan yang sejati selaras dengan aspirasi negara.

Manakala harapan sekolah ini adalah untuk memperolehi keputusan akademik yang sangat baik, di samping pencapaian prestasi yang cemerlang dalam bidang kesukanan yang diikuti selain mematuhi peraturan-peraturan dan disiplin yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Syarat-syarat kemasukan ke sekolah ini adalah antaranya seperti rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berumur tidak melebihi 13 tahun pada 1 Januari, di samping lulus peperiksaan PSR sekurang-kurangnya gred B Bahasa Melayu dan gred C empat mata pelajaran.

Dalam pada itu syarat juga menuntut setiap pelajar itu mestilah mempunyai ketinggian tidak kurang 1.5 meter dengan lulus ujian kecergasan jasmani serta lulus ujian kesihatan dari hospital kerajaan.

JKR muncul juara bagi Kategori Kenderaan Berhias

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Ahad, 1 Ogos. - Perarakan kenderaan berhias di darat Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-64 Tahun bagi Daerah Temburong telah berlangsung di Kawasan Lapang berhadapan bangunan Bumiputera Baru, di sini.

Tiga kategori dipertandingkan iaitu Kategori Kenderaan Darat, Beca Berhias dan Basikal Berhias yang bertemakan flora ataupun bunga-bunga yang berwarna-warni dikendalikan bersama oleh Pengerusi serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Pengakap Daerah Temburong.

Bagi setiap kategori markah penuh akan diberikan mengikut kriteria reka bentuk dan perisainya sebanyak 40 peratus, dari segi daya cipta flora atau bunga-bunga 30 peratus, dari segi tema 20 peratus dan 10 peratus bagi lain-lain daya cipta untuk nilai tambah.

Jabatan Kerja Raya (JKR)



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Kenderaan Berhias.

muncul juara dengan mendapat 89 peratus bagi Kategori Kenderaan Berhias diikuti dengan Awang Kamsul bin Haji Hussin dengan markah 80 peratus menjadi naib juara dan dengan 64 peratus Jabatan Daerah Temburong cuma mendapat tempat ketiga.

Sementara bagi Kategori Beca Berhias, Awang Haji Madeli bin Haji Baha menjuarai pertandingan dengan 56 peratus dan bagi tempat kedua jatuh kepada Awang Najib bin Baha mendapat 50 peratus.

Bagi Kategori Basikal Berhias

pula, Awang Edris bin Abdul Momin muncul juara dengan 74.5 peratus, manakala Awang Mohd. Nabeel bin Haji Edris menduduki tempat kedua dengan 74 peratus dan tempat ketiga dengan mendapat 62 peratus ialah Dayang Salbiah binti Haji Hitam.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para pemenang dan peserta, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad.

Pasukan Operasi juara Kejohanan Bolasepak Tujuh Sepasukan

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Ogos. - Pasukan Operasi dari Pusat Memproses Mel menjuarai Kejohanan Bolasepak Tujuh Sepasukan Antara Cawangan/Bahagian Jabatan Perkhidmatan Pos setelah mengalahkan Pasukan Alif Technologies Sendirian Berhad dengan jaringan 4 - 3 melalui sepakan penalti apabila berkesudahan seri 2 - 2 dalam masa sebenar.

Sementara Pasukan Sampariding (Pentadbiran dan Kewangan) menduduki tempat ketiga setelah mengalahkan Pasukan Penyerahan gabungan dari Cawangan Gadong /Pusat Memproses Mel dengan jaringan 2 - 0.

Perlawanan akhir kejohanan tersebut diadakan pagi tadi di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkihah, di sini.

Sejumlah lapan pasukan terdiri dari cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian di Jabatan

Perkhidmatan Pos seluruh negara menyertai kejohanan yang telah bermula sejak penghujung bulan Februari lalu itu.

Menyampaikan piala kejohanan dan piala pusingan serta hadiah ialah Ketua Pos Agung, Awang Haji

Abdul Kadir bin Haji Tengah.

Kejohanan tersebut bertujuan menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk bergiat dalam sukan selain sukan juga boleh mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan mereka.



KETUA Pos Agung, Awang Haji Abdul Kadir bin Tengah semasa menyampaikan piala kepada johan dalam Pertandingan Akhir Bolasepak Tujuh Sepasukan. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Empat wanita cemerlang diberikan anugerah

Oleh :
Hezlinawati Haji
Abd. Karim

JERUDONG, Khamis, 5 Ogos. – Empat wanita yang mencapai kecemerlangan atas kepimpinan mereka dalam bidang masing-masing diberikan anugerah dalam satu majlis yang diadakan di Empire Theater, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan penganugerahan bagi Penghormatan Kepada Para Pemimpin Wanita Brunei atau 'Tribute to Brunei Women Leaders' itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkihah.

Anugerah Wanita Muda Cemerlang dianugerahkan ke-

pada Dayangku Najibah Eradah binti PAM Al-Sufri, atas pencapaiannya sebagai warga Brunei pertama meluncur di Khutub Selatan dan menjadi inspirasi kepada wanita lain.

Dayangku Nurazrina binti Pengiran Hassan yang sebelum ini menerima anugerah 'Sword of Honour' semasa Upacara Perbarisan Diraja Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pula menerima Anugerah Wanita Muda Cemerlang dari ABDB.

Sementara itu sebagai pengiktirafan atas pencapaiannya sebagai pemimpin wanita cemerlang dalam dunia korporat, Puan Haslina binti Taib diberikan Anugerah Wanita Cemerlang dalam Sektor Korporat.

Manakala Doktor Sharina

binti Yunus, presiden dan pengasas bersama Persatuan Pembelajaran Bertingkat pula diberikan Anugerah Pemimpin Wanita dalam Kerja Sosial atas penglibatannya dalam meningkatkan kehidupan kanak-kanak autisme.

Anugerah-anugerah tersebut diberikan ketika berlangsungnya Forum Wanita 2010.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Cinta Anak Bangsa dari Indonesia, Veronica Colondam semasa menyebarkan ucapan antara lain mengongsikan pemikiran dan pengalaman mengenai 'Membuat Satu Perbezaan: Pencarian Seorang Wanita Bagi Dunia Yang Lebih Baik' atau "Making a Difference: One Woman's Quest For A Better World."



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkihah menyampaikan anugerah kepada seorang pemenang. Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said.

Proaktif tingkatkan profesionalisme dan kualiti kerja

Oleh :
Siti Zuraihah Awang
Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. – Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan menaruh keyakinan yang tinggi terhadap para Pakar Kesihatan Bersepadu (*Allied Health Professionals*) untuk terus gigih dan proaktif untuk mempertingkatkan kualiti kerja dan profesionalisme masing-masing.

Yang Berhormat Menteri juga menyarankan kesemua profesion dalam *Allied Health* tersebut untuk mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja atau Standard Operating Procedures perkhidmatan masing-masing bagi memastikan apa jua prosedur dijalankan adalah konsisten dan menepati standard yang dihasrat.

Berucap pada Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog bersama *Allied Health Professionals* Kementerian Kesihatan di Hua Ho Manggis Mall, Menteri Kesihatan seterusnya berkata komitmen setiap *Allied Health Professional* ke arah memberikan khidmat bakti dan kesanggupan dalam menghadapi segala cabaran dalam satu komuniti Kementerian Kesihatan adalah sangat di-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan memberi ucapan pada Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog bersama *Allied Health Professionals* Kementerian Kesihatan. Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

harga dan menggalakkan.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, untuk membolehkan warga Kementerian Kesihatan terus maju ke hadapan, kita hendaklah mening-

katkan lagi azam dan komitmen untuk mempraktikkan nilai-nilai yang murni lagi terpuji yang sepatutnya terus diamalkan serta dijadikan budaya kerja.

Antara nilai-nilai yang digariskan itu menurut Yang Berhormat, Memantapkan Kerja Berpasukan, Profesionalisme, Inovatif dan Proaktif, Pemedulian, Pengiktirafan atau *Accreditation*, Dedikasi dan Komited, Jujur dan Amanah, Berkomunikasi yang berkesan, Telus, Bertanggungjawab serta Berdisiplin.

"Mudah-mudahan kesemua ciri-ciri ini akan dapat dihayati dan dilaksanakan oleh setiap warga Kementerian Kesihatan termasuk abis kita *Allied Health Professionals* supaya dengan ini, kita akan dapat memartabatkan lagi imej, kepercayaan serta nama baik Kementerian Kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, *Allied Health Professionals* dengan kepelbagaian kemahiran, yang berkualiti serta berpengalaman adalah aset yang sangat berguna dan tinggi nilainya.

Sementara itu, Yang Berhormat turut mengalu-alukan perancangan dan pelaksanaan projek-projek mengadakan kursus-kursus latihan *Allied Health* di Negara ini dan salah satu projek yang sedang diusahakan ialah mengenai kursus latihan Diploma da-

lam *Pharmacy Technician* yang dirancang perlaksanaannya pada tahun 2011/2012.

Dengan adanya projek tersebut nanti, Yang Berhormat menaruh harapan supaya ia akan dapat menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam *profession* berkenaan.

Menteri Kesihatan seterusnya menyarankan agar kursus-kursus lain juga akan dapat dirancang dan diusahakan terutama sekali bagi kursus-kursus *profession* bidang *Allied Health Professionals* yang mana terdapat kekurangan tenaga kerja.

Ke arah perkhidmatan yang mengutamakan kualiti dan *evidence-based*, Yang Berhormat menyeru para *Allied Health professionals* untuk sama-sama proaktif dan lebih terlibat dalam mengendalikan kajian-kajian saintifik dan meningkatkan usahasama (*collaboration*) dalam memperkembangkan serta meningkatkan kapasiti penyelidikan dalam *Allied Health*.

Usahasama dalam perkembangan kajian dan penyelidikan jelas Yang Berhormat juga memainkan peranan setara pentingnya dalam memastikan kepakaran dan sumber-sumber dapat dipraktikkan serta digunakan dengan lebih berkesan.

Menurut Yang Berhormat, salah satu

kajian kebangsaan yang sedang di-ungkayahkan dan melibatkan sebilangan besar *Allied Health Professionals* ialah Kajiselidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan (*National Health and Nutritional Status Survey*) kali kedua yang masa kini masih berjalan.

Hasil kajian itu nanti jelas Yang Berhormat akan dapat lagi mengukuhkan pembentukan dasar dan pelan tindakan yang lebih komprehensif dengan berasaskan bukti semata-mata bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan status kesihatan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut mengalu-alukan hubungan kerjasama bersepadu dan cadangan-cadangan membangun daripada pihak *Allied Health Professional* bagi sama-sama mencapai visi 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' sebagai satu wawasan yang utama untuk dijadikan aspirasi yang dicapai.

"Komitmen kita mestilah mengutamakan kesejahteraan pesakit dan orang ramai dengan mengamalkan bekerjasama secara berpasukan yang berbilang disiplin dan kepakaran, berlandaskan kualiti dan inovasi sebagai panduan kita untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan efektif," tambah Yang Berhormat.

Brunei bergantung kepada tenaga mahir

Dari muka Satu

Suasana dan realiti ekonomi global yang ada pada masa ini jelasnya, memerlukan rakyat dan penduduk negara-negara yang ingin maju untuk dapat bersaing dengan ekonomi lain.

"Dengan ini, tenaga kerja yang diperlukan adalah mereka yang inovatif, kreatif dan konstruktif", tegas beliau.

Tambahnya, para peserta yang terdiri dari golongan belia adalah harapan kita semua dan masa depan negara terletak pada belia hari ini.

Ini juga tegas beliau seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-5 tahun 2010 yang menekankan belia perlu "berjiwa besar dan bercita-cita tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi yang berjaya".

Oleh itu jelas Datin Hajah Adina, belia hari ini mesti bertena, dinamik dan proaktif agar masa depan negara akan lebih terjamin dan sifat-sifat semua ini perlu dimiliki oleh para belia bagi memastikan belia tidak statik, belia mempunyai keyakinan diri dan belia yang berani untuk membuat pembaharuan dengan reka cipta dan pe-



DATIN Dayang Hajah Adina menyampaikan sijil kepada seorang peserta kursus. Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

rancangan yang progresif.

"Saya penuh yakin abis kita dengan pendedahan kepada ekonomi-ekonomi yang maju dan cergas, mempunyai potensi untuk membawa idea-idea yang positif dan baik ke Negara Brunei Darussalam, dalam lingkungan batasan MIB dan yang tidak bertentangan dengan ajaran agama", ujarnya.

Beliau juga berkata, kita mahu melihat belia yang berfikir global, moden dan terbuka tetapi mempunyai perilaku, akhlak dan set minda yang berteraskan nilai-nilai Islam dan tempatan.

Jelasnya, apabila berada di luar negeri, mahasiswa dan mahasiswi boleh dikatakan bebas dari pemantauan seharian ibu bapa masing-masing, oleh itu gunakanlah kebebasan ini dengan

penuh tanggungjawab dan inilah waktu untuk abis kita membuat pilihan dan buatlah pilihan yang baik.

Selain itu Datin Paduka menyeru para mahasiswa dan mahasiswi agar menjauhi diri dari kegiatan-kegiatan negatif yang bertentangan dengan agama dan nilai-nilai murni bangsa serta tidak lupa diri sebagai anak bangsa Brunei, justeru sentiasa bersopan santun ketika berada di luar negara.

Juga hadir di majlis petang itu, Pemangku Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Tassim bin Haji Akim; Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis.

'SELAMAT MENYAMBUT KETIBAAN BULAN RAMADAN'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.